


BAB 3

MENEROKAI TERJEMAHAN AYAT *AMTHĀL MUṢARRAḤAH*

Dalam bab ini, pengkaji menganalisis keseluruhan terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* sahaja dalam al-Qur’ān. Pengkaji telah meneliti satu demi satu terjemahan ayat tersebut dalam kitab tafsir kajian iaitu Tafsir Pimpinan ar-Rahman karya Sheikh Abdullah Basmeih. Terdapat sebanyak 120 ayat yang telah dikumpulkan oleh pengkaji secara sistematik bagi mengenalpasti ayat *amthāl muṣarraḥah* dan menganalisis terjemahannya. Dalam proses menganalisis, pengkaji menilai ketepatan terjemahan berdasarkan kepada konteks terjemahan tersebut. Oleh itu, pengkaji menjadikan kitab *Mafātih al-Ghayb* karya Imam Fakhr al-Din al-Razi sebagai kitab rujukan utama dalam bab ini.

3.1 Pengekstrakan Ayat *Amthāl muṣarraḥah* Dan Terjemahannya

Pada awalnya, pengkaji telah menjumpai sebanyak 120 ayat al-Qur’ān yang mempunyai kalimah “مثل” secara umum. Setelah dianalisis terjemahan tersebut, kajian ini hanya mendapati 33 ayat sahaja yang dikategorikan sebagai *amthāl muṣarraḥah*. Seterusnya, kajian ini menganalisis ayat *amthāl* tersebut menerusi kedua-dua kitab kajian. Berikut adalah senarai ayat *amthāl muṣarraḥah* mengikut surah berdasarkan daripada analisis kajian:



Rajah 3:1: Ayat Amthāl Mussarahah

Berdasarkan penelitian pengkaji, terdapat pelbagai perbandingan yang diperolehi melalui penganalisan data menerusi ayat *amthāl mussarahah*. Antaranya termasuklah perbincangan isu akidah dan perbezaan neraca kebenaran dan kebatilan dari sudut penciptaan, kehidupan dan kategori manusia di dunia. Selain itu, terdapat perbincangan syariaah yang merangkumi muamalat dan infak.

3.2 Analisis Terjemahan *Amthāl muṣarraḥah* Mussarahah

Kajian ini telah menganalisis sebanyak 33 terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman karya Sheikh Abdullah Basmeih. Seterusnya, pengkaji akan membincangkan berkaitan ketepatan terjemahan ayat tersebut berdasarkan kitab *Mafātiḥ al-Ghayb* oleh Fakhr al-Din ar-Razi.

3.2.1 Al-Baqarah: 17 – 18

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ الَّذِينَ اسْتَوْفَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ
فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ ۗ صُمُّكُمْ بَعْضُهُمْ لَآ يَرِيْ جُوعُونَ ۗ﴾

Teks terjemahan:

Perbandingan hal mereka (golongan munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api; apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun) (17) Mereka (seolah-olah orang yang) pekak, bisu dan buta (*); dengan keadaan itu mereka tidak dapat kembali (kepada kebenaran) (18)

Nota kaki:

(*) Kerana mereka tidak mahu mendengar, tidak mahu mengakui kebenaran, dan tidak mahu pula memandang dan memerhatinya.

Analisis:

Ungkapan ﴿مَثَلُ الَّذِينَ الَّذِينَ اسْتَوْفَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَا يُبْصِرُونَ﴾ adalah ayat *amthāl muṣarraḥah* kerana terdapat kalimah “*mathala*” di dalam ayat tersebut. Al-Jarbu (2002) di dalam bukunya “*Al-Amthal al-Quraniyyah al-Qiyasiyyah al-Madhrubah li al-Iman billah*” menyatakan “*mathala*” dalam ayat tersebut merujuk kepada perumpamaan (Al-Jarbu, 2002).

Menariknya, Imam al-Razi di dalam kitab tafsir *Mafātiḥ al-ghayb*, menjelaskan beberapa bentuk perumpamaan terhadap golongan munafik pada ayat ini. Walau bagaimanapun, al-Razi dan as-Suddi berbeza pendapat mengenai asal-usul munafik. As-Suddi berpendapat bahawa mereka muncul setelah Nabi Muhammad tiba di Madinah, dengan iman awal diibaratkan sebagai "cahaya" yang kemudian dipadamkan oleh sifat munafik. Namun, al-Razi tidak setuju dan menganggap bahawa kelompok munafik sudah ada sebelum kedatangan Nabi Muhammad (Al-Razi, 1981).

Manakala, Hassan pula berpendapat bahawa Islam memberikan perlindungan terhadap hak-hak penganutnya seperti hak atas darah, harta, dan anak-anak, yang dianggap sebagai "cahaya" Islam. Namun, orang munafik memanfaatkan cahaya ini dengan cara yang salah. Di samping itu, al-Razi juga menjelaskan kalimah "المُسْتَوْقِد" ("orang yang menyalakan api") adalah tasybih (perumpamaan) bukan "النُّور" ("cahaya"). Ketika cahaya ini hilang, orang munafik berasa hairan kerana mereka pada awalnya berada dalam cahaya, kemudian berada dalam kegelapan yang berpanjangan. Keadaan ini menggambarkan hilangnya petunjuk dan manfaat bagi mereka. Penyalaan api juga digunakan sebagai perumpamaan bagi orang munafik yang berbicara tentang kalimah-kalimah iman, tetapi Allah SWT tidak meredhai mereka (Al-Razi, 1981).

Secara kesimpulannya, ayat ini membahaskan mengenai perbezaan pandangan tentang asal-usul golongan munafik dan menggambarkan konsep "cahaya" dalam konteks iman dan kesesatan (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Pengkaji meneliti terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih dengan tafsiran al-Razi **hampir bertepatan** pada ayat tersebut. Hal ini kerana, Basmeih hanya menyatakan perumpamaan keadaan golongan munafik seperti orang yang menyalakan api. Akan tetapi, al-Razi menjelaskan dengan lebih terperinci tentang perumpamaan tersebut bahawa keadaan golongan munafik berada dalam hairan, kebingungan dan mengambil manfaat ke atas petunjuk.

3.2.2 Al-Baqarah: 19 – 20

Teks sumber:

﴿أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِّنَ
 الصَّوَءِقِقِ فَذَرَّ أَلْمُوتَ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ ۝ ١٩ يَكَادُ الْبَرْقُ يَخْطَفُ أَبْصَارَهُمْ كُلَّمَا
 أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوْا فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَارَهُمْ
 إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ٢٠﴾

Teks terjemahan:

Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebih lebat dari langit, bersama-sama dengan gelap gelita, dan guruh serta kilat; mereka menyumbat jarinya ke dalam telinga masing-masing dari mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu. (19) Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan; mereka tiap-tiap kali kilat itu menerangi mereka (dengan pancarannya) mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka berhentilah mereka (menunggu dengan bingungnya). Dan sekiranya Allah menghendaki nescaya dihilangkannya pendengaran dan penglihatan mereka; sesungguhnya Allah maha kuasa akan tiap-tiap sesuatu. (20)

Analisis:

Menurut Al-Qattan (1976), menerangkan ciri-ciri *amthāl muṣarraḥah* adalah menggunakan kalimah “مثل” atau sesuatu perkataan yang merujuk kepada perumpamaan (Al-Qattan, 1976). Berdasarkan potongan ayat “كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصْبِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِّنَ الصَّوَءِقِقِ فَذَرَّ أَلْمُوتَ” ia tidak mempunyai kalimah “mathala” namun kalimah “kaf” merupakan *tashbih tamthiliy* yang mempamerkan perbandingan.

Al-Razi menjelaskan bahawa pada ayat ini, golongan munafik dibandingkan dengan fenomena alam seperti bunyi guruh, kilat dan hujan lebat. Mereka menunjukkan ketidakstabilan iman mereka ketika mendengar kilat yang menakutkan dengan menutup

telinga dan takut akan kematian. Kilat tersebut hampir menghilangkan penglihatan mereka dan setiap kali kilat menyambar, mereka berjalan. Namun, ketika kilat menghilang, mereka kembali ke dalam kegelapan. Ini adalah perumpamaan untuk menggambarkan kebingungan dan kejahilan orang munafik dalam agama (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, hujan memberi manfaat melainkan apabila berlakunya bunyi guruh, kilat dan hujan lebat. Begitu juga dengan iman pada golongan munafik. Iman tersebut memberi manfaat hanya jika mereka menurutinya. Sifat النفاق atau munafik akan terjadi setelah hilang keikhlasan. Selain itu, kelompok yang diturunkan ke atas mereka guruh, kilat dan petir menyangka dengan menutup telinga dapat melepaskan diri daripada kebinasaan dan kematian. Hal ini sama seperti keadaan orang munafik yang menzahirkan keimanan mereka kerana menyangka akan terselamat sedangkan hakikatnya bukan seperti disangka (Al-Razi, 1981).

Al-Razi juga menerangkan, orang munafik cenderung menunda-nunda keterlibatan mereka dalam jihad untuk menghindari kematian dan pembunuhan. Allah SWT menyifatkan kelakuan mereka itu seperti seseorang yang mencuba melarikan diri daripada kilat dengan menyumpal jari di telinga. Namun, tiada cara yang mampu menyelamatkan diri daripada takdir kematian. Begitu juga hal golongan munafik yang memasukkan jari ke dalam telinga tidak akan dapat menyelamatkan mereka dari azab neraka (Al-Razi, 1981).

Disamping itu, al-Razi menghuraikan orang yang melalui keadaan guruh, kilat dan petir telah sampai kepada penghujung kebingungan kerana menghimpunkan jenis-jenis kegelapan dan terjadinya ketakutan. Maka golongan munafik berakhir dengan kekeliruan dalam bab agama dan ketakutan dunia. Adapun, hujan lebat melambangkan

iman dan al-Qur'ān, sementara kegelapan dan petir mencerminkan kesulitan yang dihadapi oleh golongan munafik (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Pengkaji menyimpulkan bahawa terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **hampir bertepatan** dengan tafsir *Mafātih al-Ghayb*. Hal ini kerana, Sheikh Abdullah Basmeih hanya menjelaskan situasi golongan munafik ibarat orang yang ditimpa hujan lebat, kegelapan, guruh dan kilat. Namun, pada tafsiran al-Razi menghuraikan dengan lebih terperinci keadaan golongan munafik yang rapuh keimananya, bingung dan jahil dalam agama. Adapun, al-Razi dan Basmeih menyebutkan dalam perumpamaan tersebut bahawa sangkaan orang munafik dengan menutup telinga mampu menyelamatkan mereka daripada kebinasaan Allah SWT, bahkan ia sebaliknya.

3.2.3 Al-Baqarah: 171

Teks sumber:

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً صُمُّ بُكْمٌ عُمْيٌ فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ ۝١٧١﴾

Teks terjemahan:

Dan bandingan (orang-orang yang menyeru) orang-orang kafir (yang tidak mahu beriman itu), samalah seperti orang yang berteriak memanggil binatang yang tidak dapat memahami selain dari mendengar suara panggilan sahaja; mereka itu ialah orang-orang yang pekak, bisu dan buta; oleh sebab itu mereka tidak dapat menggunakan akalanya (171)

Analisis:

Berdasarkan ayat di atas yang menunjukkan *amthāl muṣarraḥah* adalah pada “ وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءً وَنِدَاءً ” kerana terdapat kalimah “*mathala*” menunjukkan perbandingan (Al-Qattan, 1976).

Menurut al-Razi, Allah SWT menceritakan tentang golongan kafir yang menolak seruan Nabi kerana mereka lebih cenderung untuk mengikut kepercayaan turun-temurun daripada nenek moyang mereka. Keadaan mereka diumpamakan seperti keadaan binatang dan apabila mereka mengetahuinya, hati mereka hancur serta dada mereka sempit. Maka, sesiapa yang mendengar perumpamaan ini akan menghalangi dirinya untuk mengikut contoh tersebut (Al-Razi, 1981).

Adapun, al-Akhfash (الأخفش) , al-Zajjaj (الزجاج) dan Ibnu Qutaibah (وابن قتيبة) berkata, perbandingan yang menggambarkan bahawa orang yang menyeru golongan kafir kepada kebenaran seperti penggembala yang berteriak, sedangkan orang-orang kafir disamakan dengan kambing yang mendengar tetapi tidak memahami kandungan seruan tersebut. Dalam konteks ayat ini, golongan kafir mendengar seruan Nabi dan kata-katanya, tetapi tidak memahami dan mengikutinya (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, perumpamaan ini menerangkan bahawa orang kafir yang menyeru tuhan-tuhan (berhala) mereka, serupa seseorang yang berteriak dalam seruannya yang tidak boleh didengar oleh sesiapaupun. Contohnya kambing yang tidak memahami ungkapan penggembalanya. Perumpamaan ini sama seperti berhala dan binatang kerana mereka tidak dapat mengerti. Begitulah orang kafir jika mereka menyeru sembah-sembahan yang tidak mendengarnya kecuali apa yang mereka ungkapkan dari segi seruan dan ajakan tersebut (Al-Razi, 1981).

Selanjutnya, perumpamaan golongan kafir tentang kejahilan dalam ibadah, penyembahan berhala dan mengikuti tradisi amalan nenek moyang mereka seperti penggembala bercakap dengan haiwan peliharaan mereka. Penggembala tersebut disamakan dengan kejahilan. Perbuatan bercakap dengan haiwan peliharaan itu tiada faedahnya, sama juga dengan kepercayaan turun-temurun. Allah SWT telah menyamakan mereka dengan haiwan ternakan bagi menambahkan kesedihan terhadap mereka (Al-Razi, 1981).

Tambahan lagi, kelompok kafir ini juga disifatkan pekak kerana mereka mendengar seolah-olah tidak mendengar. Digelarkan bisu kerana mereka tidak menjawab apa yang diseru kepada mereka serta disebutkan tuli kerana setelah diberikan bukti seolah-olah mereka tidak melihatnya (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Pengkaji berpendapat bahawa terjemahan Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi menerusi pandangan yang disebut oleh (الْأَخْفَشِ وَالرَّجَاجِ وَابْنِ) (فُتَيْبَةَ). Mereka membahaskan tentang perumpamaan orang yang mengajak golongan kafir kepada kebenaran ibarat seorang penggembala memanggil binatangnya yang tidak memahami apa yang diungkapkan oleh tuannya. Walau bagaimanapun, terjemahan Basmeih tidak menggunakan perkataan “kambing” seperti tafsiran al-Razi, malah ia menggunakan perkataan “binatang” dan ia tidak membawa kepada keclaruan maksud yang ingin disampaikan pada konteks ayat tersebut. Ringkasnya, penggembala disamakan seperti seruan Nabi SWT dan kambing yang tidak memahami percakapan tuannya adalah golongan kafir.

3.2.4 Al-Baqarah: 261

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ
سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَسِيعٌ عَلِيمٌ﴾ ٢٦١

Teks terjemahan:

Bandangan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi serratus biji. Dan (ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniaNya, lagi Meliputi ilmu pengetahuanNya (261)

Analisis:

Merujuk ayat “مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ” bersifat *amthāl muṣarraḥah* kerana terdiri daripada kalimah “مثل” (Al-Fayyad, 1993).

Al-Qaffal berpandangan tentang perumpamaan orang yang menginfakkan harta sama seperti seorang petani yang menanam biji benih. Dalam konteks ayat ini, jika manusia mengetahui menyemai satu benih akan menghasilkan tujuh ratus benih, maka tidak seharusnya mereka meninggalkan perbuatan itu setelah mengetahui manfaatnya. Oleh demikian, seseorang yang menginginkan pahala atau ganjaran akhirat disisi Allah, hendaklah tidak meninggalkan perbuatan tersebut. Al-Razi juga bersetuju dengan pandangan ini (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, ar-Razi menerangkan infak harta di jalan Allah SWT yang dimaksudkan ialah infak dalam agama-Nya, khususnya infak dalam jihad. Pendapat lain menyatakan infak dikategori dalam semua aspek kebaikan termasuk infak wajib dan

infak sunat iaitu infak ketika berhijrah bersama Rasulullah SAW seperti infak untuk jihad atau selainnya, membelanjakan harta untuk sedekah kemaslahatan dan semua perkara merupakan infak di jalan Allah SWT. Allah SWT melipatgandakan setiap hamba-Nya yang bertakwa, ikhlas serta mendapat ihsan daripada Allah SWT. Oleh demikian, Allah SWT menjadikan sesiapa yang taat akan menerima ganjaran kepada mereka (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Berdasarkan tafsiran al-Razi pengkaji berpendapat bahawa terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih menunjukkan **ketepatan**. Hal ini kerana, perumpamaan bagi orang yang menginfakkan harta mereka akan digandakan daripada sebiji benih, lalu menumbuh dengan subur. Kedua-dua tokoh ini memperincikan lagi perumpamaan berikut dengan menjelaskan bahawa satu benih mampu menghasilkan tujuh ratus benih yang bermaksud memberikan hasil yang gandaan pahala daripada perbuatan infak tersebut.

3.2.5 Al-Baqarah: 263 – 264

Teks sumber:

﴿قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَدَقَةٍ يَتَّبِعُهَا أَذًى وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَلِيمٌ ۚ ۲۶۳ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَبْطُلُوا صَدَقَتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِئَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ۚ ۲۶۴﴾

Teks Terjemahan:

(Menolak peminta-peminta sedekah) dengan perkataan yang baik dan mema'afkan (kesilapan mereka) adalah lebih baik daripada sedekah (pemberian) yang diiringi (dengan perbuatan atau perkataan yang) menyakitkan hati. Dan (ingatlah), Allah Maha Kaya, lagi Maha Penyabar (263) Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (ria'), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan ria' itu) mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan. Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi pertunjuk kepada kaum yang kafir (264)

Analisis:

Berdasarkan ayat di atas, ungkapan *فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا* menunjukkan ciri-ciri *amthāl muṣarrahah* kerana terdapat kalimah “*mathala*” (Al-Jarbu, 2002).

Al-Razi menjelaskan bahawa Allah SWT menyebut perbuatan merosakkan pahala sedekah adalah dengan perkataan yang mengungkit-ungkit dan menyakiti. Beberapa perumpamaan menyatakan bahawa golongan menginfakkan harta mereka dengan riyak kepada manusia sebanding orang kafir yang tidak beriman kepada Allah SWT dan akhirat. Hal ini kerana, kerosakan pahala infak dikalangan golongan munafik yang kafir lebih jelas daripada kerosakan pahala sedekah dengan mengungkit dan menyakiti (Al-Razi, 1981).

Selain itu, dijelaskan batu yang licin padanya terdapat kotoran dan habuk, kemudian hujan lebat melandanya, dan debu itu hilang sehingga menjadikan seolah-olah tidak ada habuk atau kotoran sedikitpun. Maka, golongan kafir seperti batu yang

licin dan debu diumpamakan infak. Manakala, hujan lebat seperti orang yang sia-sia atau kafir. Perbuatan menungkit dan menyakitkan adalah kedua-duanya perbuatan yang sia-sia. Maka seperti hujan lebat yang menghapuskan debu yang terletak di atas batu licin, maka seperti itu juga perbuatan ungkit-mengungkit dan menyakitkan akan membatalkan pahala infaq selepas mereka memperolehnya (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Kesimpulannya, pengkaji berpandangan bahawa terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Hal ini kerana, al-Razi dan Abdullah Basmeih memberikan penjelasan bahawasanya orang yang berinfak dengan mengungkit-ungkit dan menyakiti adalah seperti batu licin yang terdapat debu dan kotoran lalu ditimpa hujan lebat, kemudian batu tersebut menjadi suci dan bersih. Begitu juga keadaan golongan kafir yang membelanjakan harta mereka untuk kebaikan, sedikitpun tidak memberi manfaat di akhirat kelak ke atas mereka. Perumpamaan berikut menunjukkan kerugian di akhirat kelak akibat sifat-sifat mazmumah yang muncul dalam diri.

3.2.6 Al-Baqarah: 265

Teks sumber:

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَنبِيئًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ أُكُلَهَا ضِعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلَّ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

Teks terjemahan:

Dan bandingan orang-orang yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredhaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat yang tinggi, yang ditimpa hujan lebat, lalu

mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. Kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan reyai-reyai pun (cukup untuk menyiraminya). Dan (ingatlah), Allah sentiasa Melihat akan apa yang kamu lakukan (265)

Analisis:

Menurut Al-Qattan (1976), ayat di atas menunjukkan *amthāl musarraḥah* kerana terdapat kalimah “*mathala*” ; “ وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ آتِبِعَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَنبِيئًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ ” (Al-Qattan, 1976).

Al-Razi menerangkan bahawa Allah SWT telah memberikan beberapa perumpamaan terhadap amalan menginfakkan harta. Antaranya, mufasirin berpandangan apabila sesebuah kebun berada di atas tanah tinggi, maka lebih baik dan lebih banyak hasil yang didapati. Walau bagaimanapun, al-Razi berpandangan sesebuah kebun yang ditempatkan di atas tanah tinggi akan menyebabkan jauh daripada air dan air sungai tidak akan sampai padanya. Setelah itu, angin bertiup dengan kerap dan penanaman di kebun tersebut memperolehi hasil yang tidak baik. Namun, apabila sesebuah kebun itu berada di kawasan yang rendah dan ditimpa sungai serta angin tidak sampai kepadanya akan memberikan hasil tanaman yang tidak subur. Jesteru, tanah yang baik adalah tanah yang tidak tinggi dan tidak juga rendah (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, kalimah “*رَبْوَةٍ*” dimaksudkan dalam ayat ini ialah tanah liat yang panas apabila ditimpa hujan keatasnya ia akan menggelembungkan udara dan membesar. Maka, tanah yang memiliki sifat tersebut akan mewujudkan banyak penempatan dan pokok-pokok yang subur diatasnya. Pada kalimah “*فَأَتَتْ*” “*أَكْلَهَا ضِعْفَيْنِ*” pula telah ditafsirkan oleh beberapa mufasirin. Sebagai contoh, ‘Atha’ berkata setiap satu tahun akan mendapatkan hasil lebih daripada tahun

sebelumnya. Manakala, Asom (الاصم) pula menghuraikan gandaan tersebut akan mendapatkan lebih daripada kebiasaannya. Kemudian, Abu Muslim menyatakan seperti mana yang dijanjikan atau dipersetujui (Al-Razi, 1981).

Sementara itu, perkataan "فَإِنْ لَمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ فَطَلَّ" bermaksud kebun yang tidak ditimpa hujan lebat akan ditimpa hujan yang renyai. Jika tidak ditimpa hujan lebat yang menghasilkan buah yang banyak, namun hujan renyai tetap akan mengeluarkan hasil buah walaupun sedikit. Jelaslah bahawa, maksud ini menunjukkan tidak putus-putus kebun tersebut berbuah. Lantaran itu, perumpamaan bagi kelompok yang menginfakkan harta kerana Allah SWT tidak akan sia-sia walaupun kadarnya banyak mahupun sikit (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Ringkasnya, pengkaji berpendapat terjemahan oleh Sheikh Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan keterangan al-Razi dalam kitab *Mafātiḥ al-Gayb*. Hal ini kerana, kaedah terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman dan tafsiran al-Razi menjelaskan keadaan bukit apabila ditimpa hujan lebat mahupun renyai mampu memberikan hasil yang baik walaupun sedikit. Tambahan pula, infak kerana Allah SWT akan memberi ganjaran baik dan tidak sia-sia.

3.2.7 Al-Baqarah: 275

Teks sumber:

﴿الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ
ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ
مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ
النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ﴾ ٢٧٥

Teks terjemahan:

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berjual beli itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli nereka, mereka kekal di dalamnya (275)

Analisis:

Berdasarkan potongan ayat “كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ”, ia melambangkan *amthāl muṣarraḥah* kerana mempunyai kalimah “كَمَا” bermaksud seperti yang merujuk kepada sesuatu perkataan kepada perumpamaan (Al-Qattan, 1976).

Menurut perbahasan yang dibuat oleh al-Razi pada ayat berikut menerangkan bahawa ungkapan “إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ” telah memberikan kepada beberapa perkara. Antaranya ialah kosa kata (التَّخَبُّطُ) bermaksud tidak tetap. Disebutkan juga seorang lelaki yang bertindak pada sesuatu keadaan dan tidak mendapat petunjuk daripadanya serta terhuyung-hayang memukul dalam kegelapan. Orang yang dirasuk syaitan dalam keadaan terhuyung-hayang kerana sentuhan, seolah-olah gila kerana ia

seperti memukul di atas sesuatu yang tidak tetap dalam kehairanan. Namun, ia juga dinamakan serangan syaitan dengan kegilaan. Asal sentuhan adalah daripada tangan. Seolah-olah syaitan menyentuh manusia, maka dia menjadi gila (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, Jubai menerangkan orang yang ditimpa sawan adalah kerana syaitan menyentuhnya lalu menjadi sawan. Pendapat ini batil kerana syaitan lemah dan tidak mampu tumbangkan manusia dan membunuhnya. Sebagai contoh, firman Allah SWT dalam surah Ibrāhim ayat 22 bermaksud “*dan tidak ada kekuasaan bagiku terhadapmu, melainkan (sekadar) aku menyeru kamu lalu kamu mematuhi*”. Jelaslah ayat ini menunjukkan syaitan tiada kuasa menumbangkan dan membunuh dan menyakitkannya (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Berdasarkan terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman, pengkaji berpendapat terjemahan berikut **bertepatan** dengan tafsir *Mafātih al-Gayb*. Ini disebabkan, terjemahan Basmeih dan al-Razi menerangkan perbandingan golongan yang memakan riba sama seperti seseorang yang disentuh syaitan. Mereka ibarat gila ketika disentuh syaitan. Dijelaskan juga, Allah SWT hanya menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Namun, tidak sewajarnya mereka menyamakan perbuatan tersebut.

3.2.8 Āli-Imrān: 59

Teks sumber:

﴿إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ آدَمَ خَلَقَهُ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُن فَيَكُونُ﴾

Teks Terjemahan:

Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Nabi 'Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Nabi Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: “Jadilah engkau!” maka menjadilah ia.

Analisis:

Ungkapan “مَثَلٌ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ آدَمَ” adalah ayat *amthāl muṣarrahah* kerana terdapat kalimah “*mathala*” (Al-Jarbu, 2002).

Al-Razi memperincikan bahawa perumpamaan Nabi Isa AS disisi Allah SWT sama seperti Nabi Adam iaitu dari segi sifatnya seperti sifat Adam AS dan mirip dengannya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah ar-Ra'du ayat 35 bermaksud “*perumpamaan syurga yang dijanjikan kepada orang yang bertakwa*” iaitu sifat syurga (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Merujuk kepada terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman, pengkaji berpendapat bahawa terjemahan berikut adalah **tidak sama** dengan tafsiran yang dibuat oleh al-Razi. Hal ini kerana, konteks terjemahan yang digunakan oleh Sheikh Abdullah Basmeih dilihat menceritakan tentang penciptaan Nabi Isa AS sama seperti Nabi Adam AS daripada tanah. Namun, al-Razi menjelaskan tentang sifat syurga yang dimiliki oleh Nabi Isa AS dan Nabi Adam AS.

3.2.9 Āli-Imrān: 117

Teks sumber:

﴿مَثَلٌ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرْثَ قَوْمٍ

ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ فَأَهْلَكَنَّهُ وَمَا ظَلَمَهُمُ اللَّهُ وَلَكِنْ أَنْفُسَهُمْ يَظْلِمُونَ﴾ (117)

Teks terjemahan:

Bandingan apa yang mereka belanjakan dalam kehidupan dunia ini sekalipun untuk amal-amal yang baik), samalah seperti angin yang membawa udara yang amat sejuk, yang menimpa tanaman kaum yang menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri (*) (117)

Nota kaki:

(*)- Ya'ni tidak ada sesuatu kebaikan atau faedah yang akan didapati oleh orang-orang yang kafir itu dari amal-amalnya yang baik; kerana kekufuran mereka merosakkan dan membinasakannya. Sebenarnya merekalah yang menganiaya diri sendiri.

Analisis:

Ungkapan “مَثَلُ مَا يُنْفِقُونَ فِي هَذِهِ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَثَلِ رِيحٍ فِيهَا صِرٌّ أَصَابَتْ حَرْثَ قَوْمٍ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ” merupakan *amthāl muṣarraḥah* kerana mempunyai kalimah “مثل” (Al-Fayyad, 1993).

Al-Razi menerangkan bahawa golongan kafir menggugurkan pahala nafkah mereka sama seperti angin sejuk memusnahkan tanaman. Al-Razi menjelaskan terdapat beberapa bentuk berkaitan perumpamaan tersebut. Pertama, perumpamaan orang kafir dalam pembinaan harta yang mereka infakkan sama seperti angin yang membinasakan atau merosakkan tanaman. Kedua, perumpamaan harta yang mereka infak sama seperti angin memusnahkan tanaman. Ketiga, firman Allah SWT pada ayat ini memperincikan kesan bagi harta yang diinfakkan oleh golongan kafir. Selain itu, golongan menginfakkan harta mereka bertujuan menyakiti Rasulullah SAW iaitu dengan cara mengumpulkan askar-askar untuk menyerang baginda, disebutkan sebagai infak yang binasa. Ini mengakibatkan segala perbuatan baik dan soleh terhapus (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Menurut pandangan pengkaji, terjemahan yang diberikan oleh Sheikh Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Terjemahan tersebut menghuraikan tiada faedah yang diperolehi daripada kelakuan baik orang kafir sama seperti angin sejuk menghancurkan tanaman kaum mereka, walhal mereka yang mengkhianati diri mereka. Manakala, al-Razi menyatakan infak daripada golongan kafir sama seperti angin menghancurkan tanamannya. Namun, tidak dinyatakan manfaat yang didapati oleh mereka adalah sia-sia.

3.2.10 Al-An‘ām: 71-72

Teks sumber:

﴿قُلْ أَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَا لَا يَنْفَعُنَا وَلَا يَضُرُّنَا وَنُرَدُّ عَلَىٰ أَعْقَابِنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا اللَّهَ كَالَّذِي اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي الْأَرْضِ خَيْرَانَ لَهُ أَصْحَابٌ يَدْعُونَهُ إِلَى الْهُدَىٰ أُنْتَبَأُ فَلْإِنْ هَدَى اللَّهُ هُوَ الْهُدَىٰ وَأَمْرًا لِنُسَلِّمَ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ ٧١ وَأَنْ أَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْهُ وَهُوَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ٧٢﴾

Teks terjemahan:

Katakanlah: “Patutkah kita menyeru serta menyembah yang lain dari Allah, sesuatu yang tidak dapat memberi manfa’at kepada kita dan tidak dapat mendatangkan mudarat kepada kita; dan (patutkah) kita dikembalikan undur ke belakang (menjadi kafir musyrik) setelah kita diberi hidayah petunjuk oleh Allah (dengan ugama Islam), seperti orang yang telah disesatkan oleh Syaitan-syaitan di bumi (di tempat yang lengang) dalam keadaan bingung, sedang ia pula mempunyai sahabat-sahabat yang mengajaknya ke jalan yang lurus (dengan berkata kepadanya): “Marilah bersama-sama kami.” Katakanlah:”Sesungguhnya pertunjuk Allah itulah sebenar-benar pertunjuk, dan kita diperintahkan supaya berserah diri kepada Tuhan yang memelihara dan metadbirkan sekalian alam. (71) Dan (diperintahkan): Hendaklah kamu mengerjakan sembahyang dan bertaqwa kepadaNya, dan Dialah Tuhan yang kepadaNya kamu akan dihimpunkan (pada hari akhirat kelak) (72)

Analisis:

Al-Qattan (1976), menerangkan ciri-ciri *amthāl muṣarraḥah* adalah menggunakan kalimah “مثل” atau sesuatu perkataan yang merujuk kepada perumpamaan (Al-Qattan, 1976). Berdasarkan potongan ayat “كَأَلَّذِي اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي الْأَرْضِ حَيْرَانَ لَهُ أَصْحَابٌ” (Al-Qattan, 1976). “يَدْعُونَهُ إِلَى الْهُدَى أَنَّنَا قُلٌّ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَى” ia tidak mempunyai kalimah “*mathala*” namun kalimah “*kaf*” menunjukkan perbandingan.

Menurut tafsiran ar-Razi pada surah Al-An‘ām ayat 71 dan 72 membincangkan perumpamaan orang yang menyekutukan Allah (sembahan berhala). Allah SWT berfirman “كَأَلَّذِي اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ فِي الْأَرْضِ حَيْرَانَ لَهُ أَصْحَابٌ يَدْعُونَهُ إِلَى الْهُدَى” telah menyifatkan manusia ini kepada 3 keadaan iaitu disesat oleh syaitan, kebingungan dan sahabat mengajaknya ke jalan yang benar. Pada ungkapan “اسْتَهْوَتْهُ الشَّيَاطِينُ” telah menjelaskan keadaan sifat manusia yang disesat oleh syaitan. Namun, terdapat perbezaan pada kata terbitan “اسْتَهْوَتْهُ” yang mengandungi dua pandangan (Al-Razi, 1981).

Pandangan pertama membahaskan tentang kata terbitan daripada “الهُوِّي فِي الْأَرْضِ” bermaksud penurunan daripada tempat tinggi kepada tebing paling bawah dan paling dalam pada kedalaman bumi. Maka diumpamakan oleh Allah SWT keadaan sesat ini dalam surah al-Hajj ayat 31 “وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَكَأَنَّمَا خَرَّ مِنَ السَّمَاءِ” mafhumnya barang siapa menyekutukan Allah SWT maka seakan-akan dia jatuh daripada langit (al-hajj: 31). Oleh itu, manusia yang jatuh dari tempat tinggi ke dalam kegelapan yang paling dalam menyebabkan kebingungan, kelemahan dan kehairan. Pandangan kedua, membincangkan berkaitan kecenderungan mengikut hawa nafsu. Oleh demikian,

mereka yang mengikut hawa nafsu seolah-olah dia sampai pada penghujung kehairanan. Jesteru, pendapat pertama lebih tepat kerana ia jelas menunjukkan kebingungan dan lemah (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, sifat kedua merujuk kepada kosa kata “حَيْرَانٌ” bermakna keadaan kebingungan. Al-Asmai’u (الاصمعي) memberikan maksud bingung, membingungkan, kebingungan dan yang bingung (حَارَ يَحَارُ حَيْرَةً) (وَحَيْرًا). Manakala, al-Farra’ menambahkan dengan definisi kebingungan dan kehairanan (حَيْرَانًا وَحَيْرُورَةً). Maksud kebingungan adalah keraguan pada sesuatu perkara yang tidak menemukan tempat atau jalan keluarnya. Selanjutnya, keadaan ketiga yang disifatkan kepada manusia adalah berpandu kepada firman Allah SWT pada ungkapan “لَهُ أَصْحَابٌ يَدْعُوهُ إِلَى الْهُدَى” bererti sahabat-sahabatnya mengajaknya ke jalan yang lurus (dengan mengatakan), “Ikutilah kami.” (Surah al-an’am:71) (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Ringkasnya, pengkaji berpendapat terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Kedua-dua tafsir tersebut menyentuh perkara berkaitan perbandingan menyekutukan Allah SWT dengan membincangkan keadaan orang yang disesatkan oleh syaitan, kebingungan serta seruan kepada kebenaran dengan baik berdasarkan konteks ayat tersebut. Al-Razi juga menyatakan tahap-tahap

kehairanan yang dihadapi oleh individu tersebut. Keadaan-keadaan berikut disamakan bagaimana keadaan seseorang yang berada dalam kebingungan, lemah dan kehairanan.

3.2.11 Al-An'am: 125

Teks sumber:

﴿فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرِّجْسَ عَلَى الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ﴾ ١٢٥

Teks terjemahan:

Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah pertunjuk kepadanya nescaya Ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan dadanya sesak sempit sesempit-sempitnya, seolah-olah ia sedang mendaki naik ke langit (dengan susah payahnya). Demikianlah Allah menimpakan azab kepada orang-orang yang tidak beriman.(125)

Analisis:

Al-Qattan (1976), menerangkan kriteria *amthāl musarraḥah* adalah menggunakan kalimah "مثل" atau sesuatu perkataan yang merujuk kepada perumpamaan (Al-Qattan, 1976). Berdasarkan potongan ayat "كَأَنَّمَا يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ" ia tidak mempunyai kalimah "mathala" namun kalimah seumpamanya iaitu "kaf" yang menunjukkan perumpamaan.

Menurut pandangan al-Razi, pada ungkapan "كَأَنَّمَا يَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ" membahaskan beberapa perbahasan. Pertama, apabila seseorang ditugaskan menaiki ke langit, tanggungjawab itu menjadi berat, besar dan sukar keatasnya. Hal ini akan menguatkan dia untuk menjauhkan diri daripadanya. Maka

seperti itu juga orang kafir, iman menjadi berat keatas mereka dan mendorong mereka mengasing diri daripadanya (iman). Kedua, hatinya menolak Islam dan menjauhkan diri menerima iman, itu diumpamakan jarak naik dari bumi ke langit (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Ringkasnya, pengkaji mendapati terjemahan Tafsir Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi dalam kitab *Mafātih al-ghayb*. Hal ini kerana, kedua-dua tokoh tersebut mengumpamakan tindakan Allah SWT menyempitkan dada adalah kelompok yang tidak menerima agama Islam dan menjauhkan diri daripadanya kerana merasakan ia beban.

3.2.12 Al-A'raf: 175-176

Teks sumber:

﴿وَأَنزَلْنَا عَلَيْهِمْ نَبَأَ الَّذِي ءَاتَيْنَاهُ ءَايَاتِنَا فَانْسَلَخْنَا مِنْهَا فَأَتْبَعَهُ الشَّيْطَانُ فَكَانَ مِنَ
الْغَاوِينَ ۝ ١٧٥ وَلَوْ شِئْنَا لَرَفَعْنَاهُ بِهَا وَلَكِنَّهُ أَخْلَدَ إِلَى الْأَرْضِ وَاتَّبَعَ هَوَاهُ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ
الْكَلْبِ إِن تَحْمَلَ عَلَيْهِ يَلْهَثَ أَوْ تَتْرِكُهُ يَلْهَثَ ذَلِكَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا
فَأَقْصُصِ الْقَصَصَ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ۝ ١٧٦﴾

Teks terjemahan:

Dan bacakanlah kepada mereka (wahai Muhammad), khabar berita seorang yang Kami beri kepadanya (pengetahuan mengenai) ayat-ayat (Kitab) Kami. Kemudian ia menjadi dirinya terkeluar dari mematumnya, lalu ia diikuti oleh Syaitan (dengan godaannya), maka menjadilah ia dari orang-orang yang sesat. (175) Dan kalau Kami kehendaki nescaya Kami tinggikan pangkatnya dengan (sebab mengamalkan) ayat-ayat itu. Tetapi ia bermati-mati cenderung kepada dunia dan menurut hawa nafsunya; maka bandingannya adalah seperti anjing, jika engkau menghalaunya: ia menghulurkan lidahnya termengah-mengah, dan jika engkau membiarkannya: ia juga menghulurkan

lidahnya termengah-mengah. Demikianlah bandingan orang-orang yang mendustakan (176)

Analisis:

Ungkapan yang menunjukkan *amthal mussarahah* adalah “ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ الْكَلْبِ إِنْ تَحَمَلَ ” “ عَلَيْهِ يَلْهَثُ أَوْ تَتْرُكُهُ يَلْهَثُ ” kerana terdapat kalimah “مثل” (Al-Qattan, 1976)

Al-Razi berpandangan perumpamaan tersebut meliputi semua anjing tetapi anjing yang bersifat menjelir lidah. Adapun disebutkan, sehina-hina haiwan adalah anjing dan sehina-hina anjing adalah anjing yang menjelir lidah. Maka siapa yang Allah SWT beri kepadanya ilmu dan agama tapi dia cenderung kepada dunia dan sentiasa inginkan dunia maka dia diumpamakan dengan sehina-hina haiwan iaitu anjing yang menjelir lidah (Al-Razi, 1981).

Disamping itu, konteks ayat di atas telah menjelaskan beberapa bentuk terdapat pada perumpamaan ini. Antaranya, setiap anjing yang menjelirkan lidah disebabkan kepenatan atau dahaga. Anjing sememangnya akan menjelir lidah setiap masa disaat penat, dahaga, rehat, semasa minum (الرَّيِّ) dan dikira sebagai tabiat serta kebiasaan sifat anjing. Namun, ia juga berterusan dengan sifat semula jadi bersama sifat kehinaan, bukan disebabkan keadaan yang diperlukan (Al-Razi, 1981).

Begitu juga orang yang Allah SWT berikan ilmu dan agama maka terhindar daripada terdedah kepada harta yang kotor atau batil. Kemudian, apabila dia cenderung dalam menuntut dunia dan melemparkan dirinya dalam dunia, keadaannya itu seperti keadaan anjing yang menjelir lidah yang berterusan dalam perbuatan yang menghinakan dan perbuatan buruk (Al-Razi, 1981).

Disamping itu, disebutkan seorang lelaki yang berilmu serta menjadikan ilmunya sebagai perantaraan untuk mendapatkan dunia dan perbuatan dirinya hanya untuk menunjukkan kelebihan diri. Jika dia menyampaikan ilmunya umpama menjelir lidah, ungkapan daripada hatinya dengan penuh kesungguhan semasa berucap (bebas berkata-kata) serta merasa sangat dahaga setelah selesai berucap hanya semata-mata kerana dunia. Keadaannya samalah seperti anjing yang selalu mengeluarkan lidahnya tanpa keperluan (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Kesimpulannya, konteks ayat terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman dilihat **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Menariknya, al-Razi telah mengemukakan beberapa bentuk perbandingan bagi golongan mendustakan ayat-ayat Allah SWT seperti anjing. Pertama, keadaan seseorang yang Allah SWT telah berikan ilmu agama kepadanya agar terhindar daripada harta yang kotor. Kemudian tertarik dengan keinginan dunia, lalu menjerumuskan dirinya kepada dunia adalah sama seperti sifatnya anjing yang menjelirkan lidahnya. Selain itu, keadaan seorang lelaki yang menggunakan ilmu pengetahuannya demi kepentingan dunia. Ketiga-tiga bentuk yang dibincangkan dalam kitab Mafatih al-ghayb dinyatakan di dalam terjemahan Basmeih.

3.2.13 Al-Tawbah: 68-69

Teks sumber:

﴿وَعَدَ اللَّهُ الْمُنَافِقِينَ وَالْمُنَافِقَاتِ وَالْكُفَّارَ نَارَ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا هِيَ حَسْبُهُمْ وَلَعَنَّ اللَّهُ
 وَلَهُمْ عَذَابٌ مُّقِيمٌ ٦٨ كَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ كَانُوا أَشَدَّ مِنْكُمْ قُوَّةً وَأَكْثَرَ أَمْوَالًا وَأَوْلَادًا
 فَاسْتَمْتَعُوا بِخَلْقِهِمْ فَاسْتَمْتَعْتُمْ بِخُلُقِكُمْ كَمَا اسْتَمْتَعَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ بِخَلْقِهِمْ وَخُضْتُمْ
 كَالَّذِي خَاضُوا أُولَئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ٦٩﴾

Teks terjemahan:

Allah menjanjikan orang-orang munafik lelaki dan perempuan serta orang-orang kafir dengan neraka Jahnnam, mereka kekal di dalamnya. Cukuplah neraka itu menjadi balasan mereka; dan Allah mela'natkan mereka, dan bagi mereka azab seksa yang kekal (68) (Nasib kamu hai orang-orang munafik) adalah sama dengan nasib orang-orang sebelum kamu (yang telah dibinasakan), mereka lebih kuat serta lebih banyak harta benda dan anak pinak daripada kamu; seterusnya mereka telah bersenang-senang dengan bahagian kamu, sebagaimana orang-orang yang sebelum kamu itu bersenang-senang dengan bahagiannya; dan kamu pula telah memperkatakan (perkara yang salah dan dusta) sebagaimana mereka memperkatakannya. Mereka yang demikian, rosak binasalah amal-amalnya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan merekalah orang-orang yang rugi (69)

Analisis:

Merujuk ayat di atas, “كَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ” menunjukkan bentuk *amthal mussarahah* kerana terdapat kalimah “*kaf*” yang memberi maksud seperti dalam perbandingan (Al-Qattan, 1976).

Berdasarkan surah Al-Tawbah ayat 68 dan 69 menceritakan tentang perumpamaan golongan munafik. Pada ayat ini, al-Razi menghuraikan keadaan orang munafik yang diberikan pelbagai kenikmatan seperti harta yang banyak, anak-anak, akan tetapi mereka kufur dan memperoleh akibat daripada sikap dan akhlak buruk mereka. Dalam pada itu, kitab Tafsir *Mafātih al-Ghayb* menyebut sesungguhnya Allah SWT mengumpamakan orang munafik dengan penyimpangan atau kesesatan mereka dalam ketaatan kepada Allah SWT, demi mencari kesenangan dunia dari orang-orang kafir sebelum mereka. Kemudian, Allah Taala menyifatkan mereka dengan harta yang

banyak, anak-anak dan sesungguhnya mereka bersenang-senang dengan sifat mereka, dan mencipta keberuntungan (nasib), iaitu apa yang diciptakan untuk manusia. Oleh demikian, ditakdirkan untuknya daripada kebaikan, sama seperti yang dikatakan untuknya (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Rumusannya, terjemahan Sheikh Adullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsiran yang dibuat oleh al-Razi. Kedua-dua ulama menerangkan keadaan golongan munafik yang rugi setelah merasakan pelbagai kenikmatan akibat daripada tingkah laku mereka yang buruk seperti kaumnya yang terdahulu.

3.2.14 Yūnus: 24

Teks sumber:

﴿إِنَّمَا مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ مِمَّا يَأْكُلُ النَّاسُ وَالْأَنْعَامُ حَتَّى إِذَا أَخَذَتِ الْأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَدِرُونَ عَلَيْهَا أَتْنَاهَا أَمْرًا لَيْلًا أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَنْ لَّمْ تَغْنَ بِالْأَمْسِ
كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٤﴾

Teks terjemahan:

Sesungguhnya bandingan kehidupan dunia hanyalah seperti air hujan yang Kami turunkan dari langit, lalu (tumbuhlah dengan suburnya) tanaman-tanaman di bumi dari jenis-jenis yang dimakan oleh manusia dan binatang – bercampur-baur dan berpaut-pautan (pokok-pokok dan pohonnya) dengan sebab air itu; hingga apabila bumi itu lengkap sempurna dengan keindahannya dan berhias (dengan bunga-bunga yang berwarna-warni), dan penduduknya pun menyangka bahawa mereka dapat berbagai-bagai tanaman serta menguasainya (mengambil hasilnya), datanglah perintah Kami

menimpakannya dengan bencana pada waktu malam atau siang hari, lalu Kami jadikan dia hancur lebur, seolah-olah ia tidak ada sebelum itu. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat keterangan Kami satu persatu bagi kaum yang mahu berfikir (dan mengambil i'tibar daripadanya). (*) (24)

Nota kaki :

(*) Oleh kerana biasanya manusia lebih mementingkan kehidupan dunia dan kesenangannya walaupun secara berlaku zalim atau melampaui batas dan melupakan hari akhirat, maka dalam ayat suci ini diingatkan bahawa kesenangan dunia yang mereka puja-puja itu tidak akan kekal dan akan lenyap akhirnya.

Analisis:

Berdasarkan ayat “مَثَلُ الْخَيْرِ الدُّنْيَا كَمَا أَنْزَلَهُ مِنَ السَّمَاءِ فَأَخْتَلَطَ بِهِ” berbentuk *amthāl muṣarraḥah* kerana terdiri daripada kalimah “مثل” (Al-Fayyad, 1993).

Dalam kitab *Mafātiḥ al-Ghayb*, al-Razi menerangkan bahawa perumpamaan kehidupan dunia dengan tumbuhan-tumbuhan. Al-Qadhi meringkaskan perumpamaan ini kepada beberapa bentuk. Pertama, akibat kehidupan dunia yang manusia habiskan dalam bab dunia seperti akibat tumbuhan yang mempunyai harapan yang sangat besar pada manfaatnya dan berlaku putus asa (musnah). Hal ini kerana, orang yang berpegang kepada dunia selalu meletakkan dunia dalam hatinya dan keinginannya semakin membesar, sehingga kematian datang kepadanya. Mereka memperoleh kerugian di dunia dan kemudian mereka menghabiskan hidup mereka di dalamnya serta memperoleh kerugian di akhirat, walaupun mereka pergi kepadanya (Al-Razi, 1981).

Kedua, perbandingan ini menceritakan sesungguhnya Allah Taala menerangkan bahawa hasil tanaman yang mereka sanjung tidak akan diperoleh. Maka, seperti itulah orang yang tertipu dengan dunia dan menyukainya tidak akan mendapatnya ganjaram daripada sanjungan tersebut. Ketiga, bentuk perumpamaan ini disebut dalam surah al-Furqan ayat 23, “وَقَدِمْنَا إِلَىٰ مَا عَمِلُوا مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً مَّنثُورًا” bermaksudnya “Dan Kami akan perlihatkan amalan yang mereka lakukan, lalu Kami akan jadikan amalan itu (bagaikan)

debu yang berterbangan)”. Maka ketika usaha tanaman ini berhasil dia akan menjadi sia-sia dengan sebab berlaku kebinasaan, maka seperti itulah usaha mereka yang tertipu dengan dunia (Al-Razi, 1981).

Keempat, pemilik kebun ketika dia menjalani kehidupannya dengan kepenatan dan kepayahan jiwa, dia menggantung hatinya (mengharapkan) manfaat daripadanya. Maka jika berlaku punca yang menyebabkan kebinasaan, ia merasa sangat susah (lelah dan penat) apabila usaha yang ditanggungnya pada masa lalu menyebabkan kesengsaraan yang besar di masa hadapan dan dia mengalami kesedihan dalam hatinya. Begitu juga, keadaan orang yang meletakkan hatinya pada dunia dan merasa letih dalam memperolehi. Maka jika mati, terputuslah setiap apa yang dicapai (Al-Razi, 1981).

Kelima, Allah Taala memberikan perumpamaan bagi orang yang tidak beriman pada hari kiamat. Hal ini disebabkan, tanaman itu berakhir kepada tujuan yang jauh daripada tarbiah. Oleh demikian, ia telah mencapai tujuan pada perhiasan dan kebaikan, kemudian diperlihatkan tanah yang dihiasinya itu rosak. Maka, kebaikan itu akan hilang semua sekali. Kemudian tanah itu menjadi baik semula selari dengan perumpamaan ini yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang mampu melakukan itu, Dialah yang mampu menghidupkan orang-orang di akhirat untuk membalas perbuatan mereka, jika baik maka baik dan jika buruk maka buruk (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Kesimpulan daripada surah Yūnus ayat 24, terjemahan Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Al-Razi telah menghuraikan secara ringkas keadaan orang yang meletakkan dunia di dalam hatinya akan memperoleh kerugian di

dunia dan akhirat. Adapun diumpamakan seperti seorang pemilik kebun yang sudah bersusah payah memelihara kebunnya dan mengharapkan faedah daripadanya namun pada akhirnya musnah. Kemudian, pekebun itu merasa lelah akan keadaan itu. Hal ini menggambarkan bagaimana seseorang yang hatinya terikat dengan ganjaran dunia dan merasa penat dengan perkara yang diperolehi daripadanya. Hakikat ini, begitulah keadaan kelompok yang amat menyukai dunia. Walau bagaimanapun, terjemahan yang dibuat oleh Basmeih adalah dengan meletakkan nota kaki bagi memudahkan pembaca untuk lebih memahami tentang keadaan mereka yang mengharapkan habuan dunia yang tidak kekal malah sia-sia bagi mereka yang tidak mengambil iktibar daripadanya.

3.2.15 Hūd: 24

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الْفَرِيقَيْنِ كَالْأَعْمَى وَالْأَصْمَى وَالْبَصِيرِ وَالسَّمِيعِ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا أَفَلَا

تَذَكَّرُونَ﴾ ٢٤

Teks terjemahan:

Bandingan dua golongan (yang kafir dan yang beriman) itu samalah seperti orang yang buta serta pekak, dengan orang yang celik serta mendengar; kedua-dua golongan itu tidaklah sama keadaannya. (Setelah kamu mengetahui yang demikian) maka tidakkah kamu mahu mengambil peringatan dan insaf?

Analisis:

Jelas pada potongan ayat “مَثَلُ الْفَرِيقَيْنِ كَالْأَعْمَى وَالْأَصْمَى وَالْبَصِيرِ وَالسَّمِيعِ” melambangkan ciri-ciri amthal mussarahah kerana terdapat kalimah “مثل” (Al-Jarbu, 2002)

Berdasarkan penjelasan al-Razi, Allah SWT menyebutkan tentang dua golongan tersebut akan menyebut perumpamaan yang sepadan, kemudian berbeza. Dikatakan, ia merujuk kepada golongan mu'min dan kafir terdahulu. Kemudian disebut selepasnya

tentang golongan kafir dan sifat mereka bahawa tidak dapat mendengar dan tidak dapat melihat. Pendengaran dan penglihatan yang Allah SWT sifatkan terhadap golongan mukmin adalah penjelasan daripada-Nya (Al-Razi, 1981).

Selanjutnya, ketahuilah bahawa bentuk perumpamaan ini adalah Allah SWT menciptakan manusia daripada gabungan tubuh dan jiwa. Seperti jasad terdapat penglihatan dan pendengaran maka seperti itu juga roh memperoleh bahagian pendengaran dan penglihatan. Begitu juga, jika jasad menjadi pekak dan buta, dia akan berada kebingungan kerana tidak mendapat petunjuk kepada sesuatu daripada kebaikan. Sebaliknya, dia akan berada dalam kegelapan yang paling dalam, tidak melihat cahaya untuk membimbingnya, dan tidak mendengar suara, maka seperti itu seseorang yang jahil dan sesat. Maka dia menjadi buta dan tuli hatinya, dia tetap dalam kegelapan khayalan, bingung dan tersesat (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Menerusi penelitian pengkaji, terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman berkaitan surah Hūd ayat 24 **hampir bertepatan** dengan *Mafātih al-Ghayb*. Hal ini kerana, terjemahan Basmeh menyifatkan orang kafir; pekak dan bisu, manakala orang beriman; celik dan dengar secara umum. Manakala, al-Razi menjelaskan golongan kafir; tidak berupaya melihat dan mendengar kebenaran begitu sebaliknya bagi golongan beriman berkebolehan mendengar dan melihat petunjuk daripada Allah SWT.

3.2.16 Al-Ra'd: 14

Teks sumber:

إِلَهُ دَعْوَةَ الْحَقِّ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيبُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ إِلَّا كَبْسِطِ كَفِّهِ
إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبُلِغَةٍ وَمَا دُعَاءُ الْكَافِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَالٍ ؕ ﴿١٤﴾

Teks terjemahan:

Kuasa menerima ibadat yang benar adalah tertentu bagi Allah; dan benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatupun kepada mereka, hanyalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya. Dan tiadalah ibadat dan do'a permohonan orang-orang kafir itu melainkan dalam kesesatan.

Analisis:

Menurut ayat di atas “كَبْسِطِ كَفِّهِ إِلَى الْمَاءِ لِيَبْلُغَ فَاهُ وَمَا هُوَ بِبُلِغَةٍ” melambangkan *amthāl muṣarraḥah* kerana mempunyai kalimah “*kaf*” yang memberi maksud seumpama yang merujuk kepada perumpamaan (Al-Qattan, 1976).

Merujuk kepada penerangan oleh al-Razi, Allah SWT berfirman “وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ” bermaksud iaitu tuhan-tuhan yang diseru oleh orang kafir selain Allah (Berhala). Berhala tidak menjawab sesuatu pun yang golongan kafir minta seperti perkenannya tapak tangan apabila dibentangkan ke atas air. Air adalah sesuatu yang tidak hidup, seseorang tidak akan merasa apabila dibentangkan tangannya, tidak akan dahaga dan berhajat terhadapnya. Malah, ia juga tidak dapat menjawab seruan atau sampai ke mulutnya, maka seperti itu digambarkan kepada mereka menyeru benda yang tidak hidup dan tidak memberikan manfaat kepada mereka (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, perumpamaan golongan kafir tidak mendapat manfaat dalam doa mereka kepada tuhan-tuhan mereka. Mereka ingin mencedok air dengan tangan mereka untuk diminum tetapi disaat mereka membentangkan jari mereka, air tersebut tidak

mencapai telapak tangan mereka dan tidak mencapai apa yang mereka inginkan. Disebutkan juga “Dan apa yang didoakan golongan kafir adalah sia-sia” iaitu tidak bermanfaat kerana sesungguhnya jika mereka berdoa kepada Allah, Dia tidak menjawab mereka. Malah, jika mereka menyeru kepada berhala mereka, Dia tidak dapat menjawab mereka (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Berdasarkan terjemahan Abdullah Basmeih dilihat **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Konteks terjemahan beliau dilihat ringkas dan mudah difahami sebagaimana Allah SWT mengumpamakan golongan yang menyembah selain Allah SWT seperti mereka yang menadahkan tangannya pada air, lalu air itu sedikitpun tidak memberi kebaikan kepadanya. Perbuatan ini digambarkan sebagai perbuatan yang sia-sia. Adapun, jika mereka meminta atau berdoa kepada patung-patung mereka nescaya mereka tidak mendapati satu pun kebaikan, begitu juga permintaan terhadap Allah.

3.2.17 Al-Ra^d: 17-19

Teks sumber:

لأنزل من السماء ماء فسالت أودية بقدرها فاحتمل السيل زبداً رابياً ومما يوقدون
عليه في النار أتبعاء حلية أو متع زبداً مثله كذلك يضرب الله الحق والباطل فأما الزبد
فذهب جفاءً وأما ما ينفع الناس فيمكث في الأرض كذلك يضرب الله الأمثال ١٧
للذين استجابوا لربهم الحسنى والذين لم يستجيبوا له لو أن لهم ما في الأرض جميعاً
ومثله معه لافتدوا به أولئك لهم سوء الحساب ومأولهم جهنم وبئس المهاد ١٨

﴿ أَفَمَنْ يَعْلَمُ أَنَّ مَا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ مِنَ رَبِّكَ الْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ۙ ﴾

﴿ ۙ ﴾

Teks terjemahan:

Ia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu membanjiri tanah-tanah lembah (dengan airnya) menurut kadarnya yang ditetapkan Tuhan untuk faedah makhlukNya, kemudian banjir itu membawa buih yang terapung-apung (*). Dan dari benda-benda yang dibakar di dalam api (***) untuk dijadikan barang perhiasan atau perkakas yang diperlukan, juga timbul buih seperti itu. Demikianlah Allah memberi misal perbandingan tentang perkara yang benar dan yang salah. Adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbuang, manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia (***) maka ia tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan misal-misal perbandingan (17) Bagi orang yang menyahut seruan Tuhan mereka sahajalah balasan yang sebaik-baiknya; dan orang-orang yang ingkar yang tidak menyahut seruanNya, kalaulah mereka mempunyai segala apa jua yang ada di bumi disertai dengan sebanyak itu lagi, tentulah mereka rela menebus diri dengannya (****) Mereka itu disediakan baginya hitungan hisab yang seburuk-buruknya, serta tempat kembali mereka ialah neraka jahanam; dan amatlah buruknya tempat tinggal itu (18) Maka adakah orang yang mengetahui bahawa Al-Qur'an yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu itu (wahai Muhammad) perkara yang benar, sama dengan orang yang buta matahatinya? Sesungguhnya orang-orang yang mahu memikirkan hal itu hanyalah orang-orang yang berakal sempurna (19)

Nota kaki:

(*) inilah misal yang pertama yang diberikan oleh Allah Ta'ala dalam ayat ini tentang perkara yang benar dengan yang salah, dan iman dengan yang kufur.

(**) seperti emas dan perak; tembaga dan timah. Inilah pula misal yang kedua.

(***) Iaitu air yang bersih dari sampah sarap, dan logam yang bersih dari kekotoran, maka ia tetap tinggal digunakan di bumi.

(****) Ya'ni menebus diri daripada ditimpa azab seksa yang disediakan untuk mereka pada hari akhirat kekal, yang tidak terperi sengsaranya.

Analisis:

Berdasarkan ayat di atas, ungkapan *أَوْ مَثَلٌ مِّثْلَهُ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْحَقَّ وَالْبَاطِلَ فَأَمَّا* ۱۷ *الزَّيْدُ فَيَذْهَبُ جُفَاءً وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ فِي الْأَرْضِ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ* menunjukkan *amthal musarrahah* kerana mempunyai kalimah “*mathala*” dan “*kaf*” yang memberi maksud umpama (Al-Qattan, 1976).

Al-Razi berpandangan sesungguhnya Allah Taala ketika mengumpamakan orang mu'min dan orang kafir, iman dan kufur dengan buta, pekak, kegelapan dan cahaya. Allah SWT juga memberi perumpamaan lain untuk orang beriman dan kufur. Pada ungkapan “أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ أَوْدِيَهُ بِقَدَرِهَا”، membahaskan tentang air mempunyai hak untuk menetap di lembah rendah dari gunung dan bukit, mengikut kadar luas dan kecil sesebuah lembah. Hak air juga mampu bertambah mengikut kemampuan lembah-lembah yang terbentang di atas tanah. Sifat buih yang dibawa air bersamanya, ia terapung dan ia mungkin bertaburan di pinggir dan dihapuskan. Sama ada buih itu adalah aliran putih yang mendidih. Apabila Allah SWT menyebut tentang buih, maka muncul ketika aliran air semakin kuat atau disebabkan ada api yang menggelegak (Al-Razi, 1981).

Disamping itu, lembah yang mengalirkan buih terapung di atasnya, kemudian buih itu hapus dan yang kekal adalah air. Maka seperti itu turunya daripada langit keagungan, kemuliaan dan kebaikan air iaitu al-Qur'an. Disebutkan lembah adalah hati hamba-hamba kerana hati dimantapkan dalamnya cahaya ilmu-ilmu al-Qur'an, seperti lembah yang dalamnya terdapat air yang turun daripada langit. Setiap orang mendapat jumlah air hujan yang sesuai dengan keluasan atau kesempitannya, seperti setiap hati menerima cahaya ilmu-ilmu al-Qur'an mengikut kesesuaian hati sama ada kesuciannya, kefasikan, pemahaman yang kuat atau sebaliknya. Adapun, air yang mempunyai buih bermanfaat serta bercampur dengan keburukan. Kemudian, keburukan itu hilang dan kekal bahagian daripada air dan manfaatnya. Begitulah penerangan al-Qur'an yang bercampur-baur dengan keraguan dan syak wasangka, akhirnya ia lenyap dan hilang, tetapi yang tinggal hanyalah ilmu pengetahuan, agama, hikmah dan akibat (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, firman Allah SWT “كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْحَقَّ وَالْبَاطِلَ” menjelaskan tentang perbandingan tentang perkara yang benar dan salah. Kemudian, firman Allah SWT “فَأَمَّا الزَّبَدُ فَيَذْهَبُ جُفَاءً وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ فِي الْأَرْضِ” menerangkan tentang kosa kata “جُفَاءً”. Berkata al-Farra’: جُفَاءً ialah lempar, pelontaran atau pembalingan. Oleh demikian, buih timbul di atas permukaan air akan meningkatkan dan menggelembung tetapi akhirnya hilang. Maka, air yang jernih sahaja yang kekal dan manfaat. Seperti itu sangkaan dan khayalan menjadi kuat, bercambah dan akhirnya dia akan hilang serta yang tinggal ialah yang benar (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Pengkaji berpendapat bahawa terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman mempunyai **ketepatan** dengan tafsiran al-Razi. Hal ini kerana, terjemahan Basmeih menyatakan bahawa hujan yang turun ke lembah mengikut keluasan yang tersedia adalah kegunaan bagi makhluk-Nya. Lalu, terhasil buih daripada hujan tersebut. Setelah itu, buih hilang dan yang kekal hanyalah air. Begitulah perumpamaan kebenaran dan kebatilan. Al- Razi pula air ada di lembah yang rendah dari gunung mahupun bukit mengikut ruang sesebuah lembah. Disebutkan juga buih yang terdapat di lembah tersebut boleh dilenyapkan. Rumusnya, Basmeih dan al-Razi menerangkan bahawa yang benar akan kekal dan batil akan terhapus.

3.2.18 Ibrāhim: 18-20

Teks sumber:

مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ أََعْمَلُهُمْ كَرَمَادٍ اشْتَدَّتْ بِهِ الرِّيحُ فِي يَوْمٍ عَاصِفٍ لَا يَقْدِرُونَ
 مِمَّا كَسَبُوا عَلَى شَيْءٍ ذَلِكَ هُوَ الضَّلَالُ الْبَعِيدُ ١٨ أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ
 بِالْحَقِّ إِنْ يَشَأْ يُذْهِبْكُمْ وَيَأْتِ بِخَلْقٍ جَدِيدٍ ١٩ وَمَا ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ بِعَزِيزٍ ٢٠

Teks terjemahan:

Bandangan (segala kebaikan amal dan usaha) orang-orang yang kufur dan ingkar terhadap Tuhannya ialah seperti abu yang diterbangkan angin pada ribut yang kencang; mereka tidak memperoleh sesuatu faedahpun dari apa yang mereka telah usahakan itu (*) Sia-sianya amalan itu ialah kesan kesesatan yang jauh dari dasar kebenaran (18) Tidakkah engkau telah nampak dan mengetahui bahawa Allah telah menciptakan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan berhikmat? Jika Ia kehendaki nescaya dibinasakanNya kamu (dengan sebab kekufuran kamu) dan didatangkan pula dengan makhluk-makhluk yang baharu (19) Dan yang demikian itu tidaklah sukar bagi Allah melakukannya. (20)

Nota kaki:

(*) kerana segala apa yang telah mereka usahakan itu tidak berdasarkan kepercayaan yang betul benar, dan tidak pula menurut jalan yang berfaedah, atau mendatangkan sebarang kebaikan kepada mereka pada hari akhirat.

Analisis:

Merujuk kepada ayat berikut, ”مَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ” berbentuk amthal mussarahah kerana terdapat kalimah “*mathala*” menunjukkan perbandingan (Al-Fayyad, 1993).

Dalam kitab *Mafātih al-Ghayb*, al-Razi membincangkan bahawa bentuk persamaan antara perbandingan ini dengan perbuatan-perbuatan itu adalah angin ribut menerbangkan abu dan menghamburkannya sehingga tiada kesan abu yang tertinggal, seperti kekufuran mereka menghapuskan amalan mereka sehingga tidak meninggalkan kesan perbuatan itu. Kemudian, terdapat perbezaan pendapat bagi maksud perbuatan-perbuatan (amalan) kepada beberapa bentuk. Pertama, amalan bermaksud amalan kebaikan yang mereka lakukan seperti sedekah, menghubungkan silaturahim, berbuat baik kepada ibu bapa dan memberi makan kepada orang yang lapar. Semua itu menjadi

sia-sia disebabkan kekafiran mereka. Jika bukan kerana kekufuran mereka, tentulah mereka mendapat manfaat daripadanya (Al-Razi, 1981).

Kedua, maksud amalan lain adalah penyembahan berhala. Kekufuran yang mereka lakukan adalah sangkaan terhadap iman dan jalan kepada ikhlas. Mereka telah menghabiskan masa begitu panjang dalam ibadah tersebut serta mengharap manfaat padanya dan pada akhirnya kerugian yang menimpa mereka. Disimpulkan bahawa menghimpunkan kedua-dua bentuk pertama dan kedua kerana mereka melihat perbuatan-perbuatan yang padanya ada kebaikan telah hapus. Adapun perbuatan yang mereka sangkakan padanya kebaikan dan menghabiskan hidup mereka dengannya juga terhapus. Maka menjadi daripada salah satu penyebab terbesar siksaan mereka, tidak syak lagi bahawa ia akan menambah kesedihan dan penyesalan mereka (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Tuntasnya, pengkaji mendapati terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman menunjukkan **ketepatan** dengan kitab *Mafatih al-Ghayb*. Hal ini kerana, kedua-dua tafsir menerangkan kebajikan yang dilakukan oleh orang kafir adalah ibarat abu yang berterbangan akibat daripada ribut yang kencang. Namun, terjemahan Abdullah Basmeih telah menambah penjelasan dibahagian nota kaki bagi menyempurnakan maksud tersirat tersebut. Beliau juga menyebutkan bahawasanya kebaikan yang dilakukan itu hendaklah berlandaskan dengan kepercayaan yang tinggi kepada Allah. Jika mereka kufur dan memberi kebaikan kepada orang ramai umpama tiada faedah padanya.

3.2.19 Ibrāhim: 24-25

Teks sumber:

﴿أَلَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ ۚ ٢٤ تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ﴾ ٢٥

Teks terjemahan:

Tidakkah engkau melihat (wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, yaitu kalimah yang baik adalah sebagai sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangannya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. (24) Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhannya. Dan Allah mengemukakan perbandingan-perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran)(*) (25)

Nota kaki:

(*) “Kalimah yang baik” ialah seperti kalimah tauhid, kalimah Qur’an, kalimah Rasul, atau secara umum tiap-tiap kalimah yang membuktikan iman dan ta’at kepada Allah ‘Aza wa jalla. “Kalimah yang baik” itu ialah ibarat sebatang pohon yang baik, yang tegak berdiri dengan gagahnya; pangkalnya bertunjang di bumi dan pucuknya menjulang ke langit. Ia sentiasa mengeluarkan buah yang lazat dengan izin Allah. Demikian juga halnya orang-orang beriman yang tetap teguh imannya dan tidak putus-putus amal kebajikannya, akan mencapai kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Analisis:

Ungkapan “مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ” merujuk kepada bentuk *amthāl muṣarraḥah* kerana wujudnya kalimah “مثل” yang memberi erti perbandingan (Al-Qattan, 1976).

Merujuk kepada ayat berikut, al-Razi mempunyai beberapa pandangan mengenai ungkapan “كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ”. Antaranya, Allah SWT mengumpamakan kalimah yang baik dengan pokok yang baik dari segi طَيِّبَةً iaitu rupa, bentuk, bau, buah yang lazat dan bermanfaat. Selain itu, pokok yang mempunyai أَصْلُهَا ثَابِتٌ iaitu akar (tunjang) teguh dan kukuh. Adapun, pokok yang disebut memiliki وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ bermaksud

pucuk yang menjulang ke langit menunjukkan kekuatan asalnya (akar) dan jauh dari kebusukan kecacatan serta pokok yang memiliki *كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا* bererti buah yang sentiasa ada setiap masa. Terdapat pandangan Ibnu Abbas membawa maksud kalimah *طَيِّبَةٍ* ialah *لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ*, dan *شَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ* ialah pokok kurma (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Rumusannya, pengkaji berpandangan bahawa terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman menunjukkan **ketepatan** dengan tafsiran al-Razi. Hal ini kerana, konteks terjemahan Abdullah Basmeih menjelaskan kalimah baik adalah mempamerkan kalimah tauhid atau seangkatan dengannya. Begitu juga al-Razi yang menyatakan kalimah tayibah adalah *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ*. Keseragaman terhasil daripada kedua-dua kitab tafsir menurut penelitian pengkaji.

3.2.20 Ibrāhim: 26

Teks sumber:

﴿وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ ۖ ٢٦﴾

Teks terjemahan:

Dan bandingkan kalimah yang jahat-buruk (*) samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah terbongkas akar-akarnya dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup.

Nota kaki:

(*) “Kalimah yang jahat-buruk” ialah kalimah kufur dan syirik. Bandingannya samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna, yang mudah terbongkas akar-akarnya dan tidak bertapak hidup. Demikian halnya orang kafir tidak mempunyai tapak pendirian yang menjamin keselamatannya. Dan sebagaimana pohon yang tidak berguna itu tidak mengeluarkan melainkan buah yang pahit maka demikianlah pula amal perbuatan orang yang kafir tidak mendatangkan sebarang faedah kepadanya pada hari akhirat kelak.

Analisis:

Ayat di atas menunjukkan “وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ” merujuk kepada bentuk *amthāl muṣarraḥah* kerana wujudnya kalimah “مثل” yang melambangkan perumpamaan (Al-Qattan, 1976).

Berdasarkan ayat diatas, al-Razi membincangkan ungkapan “كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ” mempunyai tiga sifat. Antaranya, buruk sesebuah pohon itu dari segi baunya, rasanya, rupa dan banyak kemudatan. Disifatkan juga dengan firman Allah “اجْتَنَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ” bermaksud “yang tercabut akar-akarnya dari bumi berlawanan dengan ayat sebelumnya iaitu “أصلها ثابتٌ” bererti pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh). Adapun “مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ” bermaksud tiada asal, begitu juga syirik yang tiada thabit (ketetapan), hujah dan kekuatan. Disamping itu, ungkapan “مِمَّا لَهَا مِنْ فَرَارٍ” bermaksud tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup. Sifat ini melengkapkan sifat yang kedua iaitu tidak tetap (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** dengan kitab tafsir *Mafātiḥ al-Ghayb*. Ini disebabkan, konteks terjemahan di dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman dijelaskan dengan baik berkaitan kalimah buruk adalah kalimah kufur dan syirik, begitu juga al-Razi.

3.2.21 Nahl: 75

Teks sumber:

﴿ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَمْلُوكًا لَا يَقْدِرُ عَلَى شَيْءٍ وَمَنْ رَزَقْنَاهُ مِنَّا رِزْقًا حَسَنًا

فَهُوَ يُنْفِقُ مِنْهُ سِرًّا وَجَهْرًا هَلْ يَسْتَوُونَ الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

Teks terjemahan:

Allah memberikan satu misal perbandingan: Seorang hamba abdi yang menjadi milik orang, yang tidak berkuasa melakukan dengan bebasnya sesuatupun; dan seorang lagi (yang merdeka) yang Kami kurniakan kepadanya pemberian yang baik (harta kekayaan) dari Kami, maka iapun membelanjakan hartanya dengan bebasnya, samada secara bersembunyi atau berterang-terang; adakah kedua orang itu sama (*) Segala puji tertentu bagi Allah (dan Allah jualah yang berhak disembah), tetapi kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat tauhid itu).

Nota kaki:

(*) Demikianlah juga keadaan berhala yang mereka sembah itu; tidak dapat memberikan sebarang faedah kepada mereka, sebagaimana hamba abdi yang tidak dapat melakukan sesuatupun dengan bebasnya.

Analisis:

Menerusi ayat “ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا عَبْدًا مَمْلُوكًا لَا يَقْدِرُ”, didapati kalimah “*mathala*” yang mempamerkan bentuk *amthal mussarahah* (Al-Jarbu, 2002).

Di dalam kitab *Mafātih al-Ghayb*, al-Razi mentafsir berpandangan seorang hamba yang dimiliki dan tidak berkuasa melakukan sesuatu. Manakala, seorang lagi merdeka, dermawan, kaya akan menginfakkan hartanya yang banyak secara rahsia dan terang-terangan. Maka jelas, akal fikiran membuktikan bahawasanya tidak harus menyamakan kedua-duanya dalam pengagungan dan kemuliaan. Begitu juga, tidak harus menyamakan kedua-duanya pada bentuk fizikal. Bagaimana boleh membenarkan akal fikiran menyamakan Allah SWT yang berkuasa atas keatas rezeki dengan berhala yang tidak memiliki dan tidak kemampuan langsung (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Merujuk kepada penelitian pengkaji, terjemahan Abdullah Basmeih memiliki **ketepatan** dengan tafsiran al-Razi. Hal ini kerana, terjemahan Tafsir Pimpinan ar-rahman dan al-Razi menyatakan bahawa terdapat perbezaan antara hamba dimiliki dan tidak berkuasa serta hamba yang merdeka iaitu bebas melakukan apa sahaja. Jelas, kedua-dua keadaan memberikan situasi yang berlainan. Begitu juga dalam menyembah Allah SWT yang maha kuasa berbanding berhala yang lemah dan hina. Pengkaji melihat keseragaman antara terjemahan Basmeih dan tafsiran al-razi mencapai maksud konteks ayat tersebut.

3.2.22 Nahl: 76

Teks sumber:

﴿وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَّجُلَيْنِ أَحَدُهُمَا أَبْكَمُ لَا يَقْدِرُ عَلَى شَيْءٍ وَهُوَ كَلٌّ عَلَى مَوْلَاهُ أَيْنَمَا
يُوجِّهُهُ لَا يَأْتِ بِخَيْرٍ هَلْ يَسْتَوِي هُوَ وَمَنْ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَهُوَ عَلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ﴾ ٧٦

Teks terjemahan:

Dan Allah memberikan satu misal perbandingan lagi: Dua orang lelaki, salah seorangnya kelu pekak dari semulajadinya, tidak dapat menyatakan apa yang difikirkannya dan tidak dapat mendengar apa yang dikatakan kepadanya; dan ia pula menjadi beban kepada orang yang menjaganya; ke mana sahaja ia diarahkan pergi oleh penjaganya, tak dapatlah dia membawa sesuatu berfaedah; adakah dia (yang demikian sifatnya) sama seperti orang (yang boleh berkata-kata serata dapat) menyuruh orang ramai melakukan keadilan, dan ia sendiri pula berada di atas jalan yang lurus (jalan yang benar)? (*)

Nota kaki:

(*) Demikianlah juga keadaan berhala yang mereka sembah, samalah seperti orang yang kelu pekak itu, yang hanya menjadi beban dan tidak berguna.

Analisis:

Merujuk ayat di atas, ungkapan “وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلَيْنِ” merujuk kepada bentuk *amthal mussarahah* kerana terdapat kalimah “مثل” yang memberi maksud perumpamaan (Al-Qattan, 1976).

Menariknya, al-Razi telah membincangkan beberapa pendapat berkaitan ayat berikut. Pendapat pertama, Mujahid berpendapat setiap perumpamaan ini Allah SWT cipta dan perkara yang diseru selain-Nya adalah batil (terhapus). Disamakan bisu seperti berhala kerana ia tidak bercakap sama sekali, begitu juga tidak dapat berbuat apa-apa. Begitu juga setiap orang yang menyembahnya, berhala tidak memberikan rezeki untuk mereka tetapi mereka membelanjakan untuknya. Jelaslah bahawa, berhala itu tidak dapat mendatangkan kebaikan. Adapun yang menyuruh berlaku adil, Dialah Tuhan Maha Suci (Al-Razi, 1981).

Pendapat kedua, bisu bermaksud adalah seorang hamba daripada Uthman ibn affan, hamba beliau membenci Islam dan padanya ada kebaikan. Uthman ibn Affan telah menyeru hambanya kepada keadilan, iaitu agama yang benar dan jalan yang lurus. Manakala, pendapat ketiga menyatakan bahawa semua hamba disifat dengan sifat yang buruk ataupun keji. Semua yang merdeka disifatkan dengan sifat-sifat yang terpuji. Pendapat ini lebih tepat daripada pendapat yang pertama. Kenyataan ini adalah hasil daripada Allah SWT menyifatkan gambaran seseorang di antara mereka sebagai individu yang terhalang daripada menyembah berhala tersebut. Oleh demikian, pandangan kedua disifatkan lemah kerana ketiadaan penjelasan yang cukup untuk perbezaan antara dua lelaki yang dirujuk. Tambahan lagi, pandangan ini tidak dikhususkan kepada individu tertentu (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Ringkasnya, pengkaji berpendapat terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman bertepatan al-Razi. Kedua-dua tafsir menyebut tentang penyembahan berhala yang diibaratkan seperti bisu kerana ia tidak berupaya bercakap sama sekali dan tidak mampu melakukan. Disamping itu, berhala tidak kuasa dalam memberikan rezeki untuk mereka tetapi mereka membelanjakan untuknya. Dalam pada itu, berhala itu tidak mampu mengurniakan kenikmatan.

3.2.23 Al-Kahfi: 45

Teks sumber:

﴿وَأَضْرَبَ لَهُمْ مَثَلًا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيْحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا ۝٤٥﴾

Teks terjemahan:

Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: Kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur baur lah tanaman di bumi antara satu dengan lain (dan kembang subur lah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur ditiup angin; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. (*) (45)

Nota kaki :

(*) demikianlah misal perbandingan kehidupan makhluk dalam dunia ini yang pada mulanya kembang baik, tetapi akhirnya akan lenyap, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah Yang Maha Kuasa.

Analisis:

Kalimah “مثل” pada ayat ini “مَثَلًا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا” menunjukkan bentuk *amthal mussarahah* (Al-Fayyad, 1993).

Al-Razi telah menyatakan bahawa terdapat perumpamaan lain menunjukkan kehinaan dunia, sifatnya yang tidak berkekalan dan bersambung dengan kisah yang telah dikemukakan daripada kesombongan golongan musyrikin terhadap golongan fakir

yang beriman. Perumpamaan yang dimaksudkan ialah “ مَثَلُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَاءٍ أَنْزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ “ فَأَخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ ”. Al-Razi menjelaskan “samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur baurlah tanaman di bumi antara satu dengan lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu” ialah ketika itu tumbuhlah tumbuhan dan indah pemandangan. Sebagaimana firman Allah Taala “ ۚ فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ وَرَبَّتْ ” (22:5), maksudnya: apabila Kami turunkan air hujan di atasnya, hiduplah bumi itu dan menjadi subur. Setelah itu, jika terputus hujan maka keringlah tumbuhan tersebut (Al-Razi, 1981).

Disamping itu, jika terjadi tumbuhan seperti itu lalu ditiup angin, bahagian-bahagian itu akan pergi ke seluruh penjuru. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT وَكَانَ اللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ مُقْتَدِرًا, maksudnya: Dan Allah maha berkuasa ke atas segala sesuatu. Hal ini kerana, Allah jualah yang membentuknya dahulu dan menumbuhkan serta menghapuskan pada akhirnya. Begitu juga keadaan dunia yang menampakkan tujuan baik dan kekuatan, kemudian ia berkembang sedikit demi sedikit lalu jatuh yang membawa kepada pengakhiran kebinasaan dan kemusnahan. Melalui perumpamaan ini orang yang berakal tidak bersuka ria dengan dunia (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Pengkaji merumuskan bahawa terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsir *Mafātih al-Ghayb*. Hal ini dilihat berdasarkan kedua-dua kitab tafsir menerangkan perbandingan kehidupan dunia hanyalah sementara dan tidak kekal. Kedua-dua tokoh ini turut menyatakan bahawa ia seperti air dari langit, lalu bercampur baurlah tanaman di bumi antara satu dengan lain disebabkan air itu. Kemudian menjadilah ia kering hancur kerana ditiup angin.

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

3.2.24 Al-Nūr: 35

Teks sumber:

﴿اللَّهُ نُورُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ مِثْلُ نُورِ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ الْمِصْبَاحُ فِي زُجَاجَةٍ الزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّيٌّ يُوقَدُ مِنْ شَجَرَةٍ مُبْرَكَةٍ زَيْتُونَةٍ لَا شَرْقِيَّةٍ وَلَا غَرْبِيَّةٍ يَكَادُ زَيْتُهَا يُضِيءُ وَلَوْ لَمْ تَمْسَسْهُ نَارٌ نُورٌ عَلَى نُورٍ يَهْدِي اللَّهُ لِنُورِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَلَ لِلنَّاسِ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ﴾

Teks terjemahan:

Allah yang menerangi langit dan bumi (*). Bandingan nur hidayah pertunjuk Allah (Kitab Suci Al-Qur'ān) adalah sebagai sebuah “misykaat” (***) yang berisi sebuah lampu; lampu itu dalam gelok kaca (qandil), gelok kaca itu pula (jernih terang) laksana bintang yang bersinar cemerlang; lampu itu dinyatakan dengan minyak dari pokok banyak manfaatnya, (iaitu) pokok zaitun yang bukan sahaja disinari matahari semasa naiknya dan bukan sahaja semasa turunnya (tetapi ia sentiasa terdedah kepada matahari); hampir-hampir minyaknya itu – memancarkan cahaya bersinar (kerana jernihnya) walaupun ia tidak disentuh api; (sinaran nur hidayah yang demikian bandingannya adalah sinaran yang berganda-ganda): cahaya yang berlapis (***). Allah memimpin sesiapa yang dikehendakinya (menurut undang-undang dan peraturannya) kepada nur hidayahnya itu; dan Allah mengemukakan berbagai-bagai misal perbandingan untuk umat manusia; dan Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Nota kaki:

(*) Ya'ni Allah Ta'ala memberi hidayah pertunjuk kepada penduduk langit dan bumi dengan dalil-dalil dan bukti yang terdapat dalam alam yang terbentang luas dan dengan ayat-ayat keterangan yang diturunkan kepada Rasul-rasulNya.

(**) “Misykaat” ialah lobang yang tidak tembus yang diadakan ditembok (dinding rumah) sebagai tempat meletakkan lampu supaya pancaran cahayanya kuat dan tidak berselerak.

(***) Ya'ni bandingan cahaya pertunjuk Allah menyinari hati orang-orang yang beriman adalah ibarat sebuah lampu yang terang benderang yang terletak dalam tempat kurungannya. Bertambah pula lampu itu dalam sebuah qandil (gelok kaca), dan kerana jernihnya kaca tersebut menjadikan cahaya lampu itu gemerlapan laksana bintang di langit yang bersinar cemerlang. Lebih-lebih lagi minyak lampu itu dari pokok yang banyak manfaatnya iaitu pokok zaitun yang tumbuh dalam daerah yang sentiasa mendapat sinaran matahari, yang menyebabkan minyaknya jernih bersinar-sinar. Semuanya itu menjadikan cahaya lampu itu berganda-ganda.

Analisis:

Berdasarkan potongan ayat “مَثَلُ نُورٍ كَمِشْكَاةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ” memperlihatkan perkataan “*mathala*” yang berbentuk *amthal mussarahah* (Al-Qattan, 1976).

Al-Razi menerangkan firman Allah SWT pada ungkapan “اللَّهُ نُورُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ” terdapat beberapa bentuk dalam menafsirkannya. Pertama, Ibnu Abbas dan lain-lain menerangkan kalimah nur ialah hidayah dan tidak dapat dicapai melainkan oleh ahli langit. Maka didapati maksud Allah SWT adalah pemberi petunjuk kepada ahli langit dan bumi (Al-Razi, 1981).

Kedua, Allah SWT mentadbir langit dan bumi dengan bijaksana, maka disifatkan diri-Nya seperti sifat ketua dunia yang merupakan cahaya negara. Jika Dia (ketua dunia) mentadbir alam dengan baik, maka dia seolah seperti cahaya yang membimbing pada alur-alur jalan. Ketiga, nur ialah pengatur langit dan bumi dengan tertib yang sangat baik. Maka ia dianggap dengan cahaya terhadap aturan dan undang (Al-Razi, 1981).

Keempat, nur juga dimaksudkan sebagai menerangi langit dan bumi. Dalam pada itu, pendapat ini terdapat menghuraikan beberapa bentuk iaitu sesuatu yang menerangi langit dengan malaikat dan bumi oleh para nabi. Seterusnya, nur juga bermaksud sesuatu yang menerangi kedua-duanya dengan matahari bulan dan bintang. Selanjutnya, cahaya menghiasi langit dengan matahari, bulan dan bintang serta di bumi dihiasi dengan para nabi dan ulama. Selain itu, al-Razi menjelaskan terdapat beberapa bentuk yang disamakan dengan cahaya dalam ayat ini iaitu hidayah Allah (Al-Razi, 1981).

Manakala, al-Misykat menurut al-Razi bermaksud dada Nabi SAW. Adapun يُوقَدُ مِنْهُ iaitu hati baginda dan المِصْبَاحُ bermakna agama Nabi SAW. Sementara, شَجَرَةٍ مُبَارَكَةٍ bermaksud mengikut agama nabi Ibrāhim, لَا شَرْقِيَّةَ وَلَا غَرْبِيَّةَ di sini bermakna nabi Ibrāhim. Kemudian, disifatkan nabi Ibrāhim dengan firman Allah: لَا شَرْقِيَّةَ وَلَا غَرْبِيَّةَ iaitu tidak solat menghadap timur dan barat seperti YaHūdi dan Nasrani, tetapi baginda (nabi

Ibrāhim) solat menghadap Kaabah. Allah menyifatkan زَيْتُهَا kerana ia memancarkan cahaya bersinar walaupun ia tidak disentuh api. Hal ini disebabkan minyak zaitun jika dia jernih kemudian ia dilihat dari jauh akan terlihat seperti bersinar. Apabila diletakkan api akan bertambahlah pancaran cahaya. Begitulah hati orang mukmin yang beramal dengan petunjuk sebelum datang kepadanya ilmu. Ka'ab berkata minyak zaitun ialah cahaya nabi Muhammad iaitu cahaya (aura) yang diterangkan kepada manusia sebelum baginda bercakap (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, firman Allah SWT نُورٌ عَلَى نُورٍ bermaksud menghimpunkan cahaya-cahaya tersebut (keseluruhan cahaya yang diterangkan sebelumnya). Golongan mukmin dibahagikan kepada empat keadaan. Jika dia diberi sesuatu, dia bersyukur. Jika dia diuji, dia bersabar. Jika dia berkata, dia berkata benar. Jika dia menghakimi dia akan berlaku adil. Seperti itu juga seorang lelaki yang hidup, yang berjalan antara kematian-kematian berubah-ubah dalam lima cahaya iaitu percakapannya cahaya, amalannya cahaya, tempat masuknya cahaya, tempat keluarnya cahaya dan tempat kembalinya cahaya (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Berdasarkan penelitian pengkaji mendapati terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih **hampir bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Hal ini kerana, terdapat perbezaan al-Razi menyatakan “*misykaat*” adalah dada dan hati nabi, namun Basmeih menerangkan dinding. Namun, kedua-dua kitab tafsir tersebut menjelaskan bahawa “nur” adalah Allah Taala memberikan petunjuk kepada semua penghuni langit dan bumi. Disamping itu, dinyatakan kelebihan zaitun yang tersendiri iaitu memancarkan cahayanya ketika

disinari matahari walau tidak disentuh api. Cahaya yang terpancar merupakan bandingan hati orang-orang mukmin.

3.2.25 Al-Nūr: 39

Teks sumber:

﴿وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَلُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا
وَوَجَدَ اللَّهَ عِنْدَهُ فَوَفَّاهُ حِسَابَهُ وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿٣٩﴾

Teks terjemahan:

Dan orang-orang yang kafir pula, amal-amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata yang disangkanya air oleh orang yang dahaga, (lalu ia menuju kearahnya) sehingga apabila ia datang ke tempat itu, tidak didapati sesuatu pun yang disangkanya itu; (demikianlah keadaan orang kafir, tidak mendapat faedah dari amalnya sebagaimana yang disangkanya) dan ia tetap mendapati hukum Allah disisi amalnya, lalu Allah menyempurnakan hitungan amalnya (serta membalasnya); dan (ingatlah) Allah amat segera hitungan hisabNya (*) – (39)

Nota kaki:

(*) Setelah Allah Ta'ala menerangkan perihal orang-orang yang beriman dan bahawa mereka di dunia berada dalam sinaran cahaya hidayah pertunjuk yang berlapis-lapis, yang dilimpah oleh Allah Ta'ala kepada mereka, dan di akhirat pula mereka akan menerima sebaik-baik balasan, maka dalam ayat ini dan ayat yang berikutnya diterangkan pula perihal orang-orang kafir, yang akan rugi dan hampa di akhirat kelak, kerana amal-amal mereka yang baik yang mereka sangka dapat menolong mereka, tidak dapat menyelamatkan mereka dari azab Allah. Mereka adalah ibarat orang dahaga di padang pasir pada tengah hari yang terik panasnya. Ia melihat riak sinaran panas dari jauh seperti air, dan setelah ia menerkam ke situ hampalah dia kerana tidak mendapati sesuatupun.

Analisis:

Merujuk Al-Qattan (1976), “كَسَرَابٍ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ” dikategorikan sebagai *amthāl muṣarraḥah* kerana terdapat huruf “ك” memberikan maksud umpama.

Seterusnya, al-Razi membincangkan bentuk perumpamaan yang diberikan kepada orang kafir terhadap amal kebaikan yang dilakukan olehnya adalah tidak berhak keatasnya pahala. Mereka yakin bahawasanya mereka akan mendapat ganjaran. Jika ia adalah perbuatan dosa, maka ia patut dihukum, sepertimana mereka yakin bahawasanya mereka berhak keatas pahala. Apabila mereka menemui hari kebangkitan, mereka tidak mendapat pahala, melainkan hukuman yang besar. Keadaannya sama seperti orang yang kehausan yang sangat memerlukan air, apabila dia melihatnya (air) beralun-alun, hatinya menjadi terpaut kepadanya. Dia mengharapkan keselamatan dan menjadi rakus terhadap air itu. Lalu, apabila itu datang kepada air tersebut, dia berputus asa dari apa yang dia harapkan (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Pengkaji berpendapat terjemahan Tafsiran Abdullah Basmeih dilihat **bertepatan** dengan pandangan al-Razi. Hal ini kerana, kedua-dua tafsir membahaskan tentang amalan kebaikan yang dilakukan oleh orang kafir adalah sia-sia malah mendapat keburukan di akhirat. Amalan kebaikan mereka itu diumpamakan air yang terdapat di kawasan yang panas dan lapang, setelah mereka pergi ke tempat itu, ia hanyalah sangkaan mereka sahaja. Begitu juga, segala perbuatan kebaikan yang disangkakan boleh melindungi mereka di akhirat bahkan ia sebaliknya.

3.2.26 Al-Nūr: 40

Teks sumber:

﴿أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُجِّيٍّ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ سَحَابٌ ظُلُمَاتٌ
بَعْضُهَا فَوْقَ بَعْضٍ إِذَا أَخْرَجَ يَدَهُ لَمْ يَكِدْ يَرَاهَا وَمَنْ لَّمْ يَجْعَلِ اللَّهُ لَهُ نُورًا فَمَا لَهُ
مِنْ نُورٍ﴾ (٤٠)

Teks terjemahan:

Atau (orang-orang kafir itu keadaanya) adalah umpama keadaan (orang yang dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam, yang diliputi oleh ombak bertindih ombak; disebelah atasnya pula awan tebal; (demikianlah keadaanya) gelap-gelita berlapis-lapis – apabila orang itu mengeluarkan tangannya, ia tidak dapat melihatnya sama sekali. Dan (ingatlah) sesiapa tidak menjadikan Allah – menurut undang-undang peraturannya – mendapat cahaya (hidayah pertunjuk) maka ia tidak akan beroleh sebarang cahaya (yang akan memandunya ke jalan yang benar). (***) (40)

Nota kaki:

(***) Demikianlah keadaan orang-orang kafir degil dalam kekufurannya sentiasa hidup meraba-raba dalam gelap-gelita kufur dan syirik yang berlapis-lapis, laksana gelap-gelita di lautan yang dalam, sehingga pada sa'at itu tidak dapat melihat tangan sendiri. Mereka yang demikian keadaanya tersisihlah dari mendapat cahaya pertunjuk Allah yang membawa ke jalan yang benar.

Analisis:

Menerusi potongan ayat “كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُجِّيٍّ يَغْشَاهُ مَوْجٌ مِّنْ فَوْقِهِ”, ia mempamerkan *amthāl muṣarraḥah* kerana mempunyai kalimah “ك” bererti seperti yang merujuk kepada perumpamaan (Al-Qattan, 1976).

Al-Razi menerangkan firman Allah: Lafaz *أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُجِّيٍّ* pada ayat *أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُجِّيٍّ* terdapat beberapa bentuk iaitu Allah SWT menerangkan amalan orang kafir, jika baik maka ia seperti bayang-bayang dan jika buruk ia seperti gelap-gelita. Seterusnya, lafaz *يَغْشَاهُ* bermaksud kedalamannya yang sangat gelap gelita disebabkan limpahan air. Jika ia diikuti oleh ombak, maka bertambahlah kegelapannya. Maka kedudukan kedalaman laut adalah penghujung kegelapan yang teramat sangat (Al-Razi, 1981).

Selanjutnya, perumpamaan ini mempunyai beberapa bentuk. Pertama, Allah SWT menyebutkan tiga jenis kegelapan iaitu kegelapan laut, kegelapan ombak, kegelapan

awan mendung. Begitu juga orang kafir, berada dalam tiga kegelapan iaitu kegelapan pegangan akidah, kegelapan perkataan (kalimah yang tidak baik) dan kegelapan amal. Kedua, diumpamakan hati, penglihatan dan pendengaran mereka (orang kafir) dengan tiga kegelapan ini. Ketiga, orang kafir tidak mengetahui bahawa dia tidak mengetahui sedangkan mereka menganggap mereka mengetahui. Tahap pengetahuan mereka ini seperti tiga kegelapan. Keempat, kegelapan bertimbun-timbun sama seperti kuatnya sikap kufur orang kafir dan kelima, hati gelap dalam dada yang gelap (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Rumusannya, pengkaji berpendapat Tafsir Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Kedua-dua tokoh tersebut menerangkan situasi golongan kafir yang mengalami kegelapan dari gelapnya dasar lautan bercampur dengan ombak serta awan tebal yang mengakibat kegelapan yang amat dahsyat. Jelas pada terjemahan berikut merupakan gambaran bagi golongan kafir yang kekal dalam kekufurannya. Pengkaji berpandangan al-Razi juga menjelaskan maksud tersirat dengan lebih teliti.

3.2.27 Al-ʿAnkabūt: 41

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ اتَّخَذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ أَوْلِيَاءَ كَمَثَلِ الْعَنْكَبُوتِ اتَّخَذَتْ بَيْتًا وَإِنَّ أَوْهَنَ
الْبُيُوتِ لَبَيْتُ الْعَنْكَبُوتِ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ٤١﴾

Teks terjemahan:

Misal bandingan orang-orang yang menjadikan benda-benda yang lain dari Allah sebagai pelindung-pelindung (yang diharapkan pertolongannya) adalah seperti labah-labah yang membuat sarang (untuk menjadi tempat perlindungannya); padahal sesungguhnya sarang-sarang yang sehabis-habis reput ialah sarang labah-labah (*), kalaulah mereka orang-orang yang berpengetahuan.**)

Nota kaki:

(*) setelah Allah Ta'ala menerangkan bagaimana kaum-kaum yang kufur ingkar itu telah binasakan maka dalam ayat ini diterangkan tentang kebodohan orang-orang musyrik yang menjadikan berhala-berhala atau makhluk-makhluk yang lain sebagai tuhan-tuhan yang disembah dan diharapkan pertolongannya, sedang benda-benda itu amatlah lemah tidak berkuasa, dan tidak dapat memberi kepada mereka sebarang pertolongan. Perbuatan mereka yang kafir itu adalah ibarat labah-labah yang membuat sarangnya untuk melindunginya dari sesuatu bahaya, sedang sarang yang dibuatnya itu amatlah reput dan tidak dapat memberikan kepadanya sebarang perlindungan.

(**) Ya'ni kalau mereka mengetahui hakikat ini, tentulah mereka tidak tergamak melakukan perbuatan syirik yang bodoh itu.

Analisis:

Ungkapan yang berbentuk *amthal mussarahah* pada ayat di atas adalah “مَثَلُ الَّذِينَ” kerana terdiri daripada kalimah “مثل” (Al-Fayyad, 1993).

Dalam kitab *Mafāṭih al-Ghayb*, al-Razi menjelaskan sesebuah rumah perlu mempunyai dinding, bumbung, pintu dan benda-benda lain yang bermanfaat. Alat-alat

ini penting untuk membina sesebuah rumah, walaupun hanya memiliki salah-satu daripadanya. Hal ini kerana dinding, menghalang daripada kesejukan, bumbung pula menghalang daripada kepanasan. Jika tidak mempunyai alat-alat tersebut ia seperti padang pasir. Begitu juga, rumah labah-labah yang tidak ditutupi dan dilindungi seperti Tuhan yang disembah mestilah mempunyai rezeki yang mendatangkan manfaat dan menolak kemudharatan. Seperti itu juga orang kafir yang menyembah berhala tidak akan memperoleh perlindungan dan kebaikan daripadanya. Demikianlah, al-Razi menyebut maksud rumah sebagai pelindung (Al-Razi, 1981).

Selain itu, keperluan bagi sebuah rumah adalah untuk berlindung. Jika rumah daripada batu, ia mampu menyelamatkan daripada udara, air, api, tanah dan tempat pelindung. Adapun rumah daripada kayu, mereka mampu untuk berlindung dan menghalang daripada kepanasan, kesejukan tetapi tidak boleh menolak angin, air, dan api yang kuat. Manakala, khemah yang diperbuat daripada kain atau selainnya, tidak mampu menolak daripada kepanasan, matahari dan kurang dijadikan tempat untuk berlindung. Tetapi rumah labah-labah tidak boleh berlindung kerana matahari terpancar ke atas. Begitu juga Tuhan yang disembah yang mempunyai keagungannya memiliki pengaruh yang kuat ke atas perkara diatas (sifat rumah yang baik) (Al-Razi, 1981).

Disamping itu, serendah-rendah peringkat rumah, jika dia tidak mempunyai peralatan yang menjadikan ia kukuh, maka ia akan bercerai-berai. Akan tetapi rumah labah-labah menjadi sebab ketidakselesaan labah-labah tersebut kerana labah-labah jika dia duduk sesuatu sudut pada sarangnya untuk beberapa tempoh, ia tidak akan bergerak darinya (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Pengkaji menyimpulkan, terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman ketepatan dengan tafsir *Mafātih al-Ghayb*. Hal ini kerana, Basmeih dan al-Razi memberikan perumpamaan pengharapan selain daripada Allah SWT hanyalah seperti sifat rumah labah-labah yang tiada kekuatan padanya. Keseragaman makna yang hendak disampaikan oleh kedua-dua tokoh mudah untuk difahami.

3.2.28 Al-Rūm: 28

Teks sumber:

﴿ضَرَبَ لَكُمْ مَثَلًا مِّنْ أَنْفُسِكُمْ هَلْ لَّكُمْ مِّنْ مَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِّنْ شُرَكَاءَ فِي مَا رَزَقْنَاكُمْ فَأَنْتُمْ فِيهِ سَوَاءٌ تَخَافُونَهُمْ كَخِيفَتِكُمْ أَنْفُسَكُمْ كَذَلِكَ نُفَصِّلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ﴾ ٢٨

Teks terjemahan:

Ia mengemukakan kepada kamu satu misal perbandingan dari keadaan diri kamu sendiri, iaitu: Relakah kamu menerima sebahagian dari hamba-hamba abdi yang kamu miliki itu menjadi kongsi-kongsi kamu pada hartabenda yang Kami telah kurniakan kepada kamu, supaya dengan penerimaan kamu itu, mereka dengan kamu menjadi sama-sama berhak padanya, sehingga kamu pun tidak berani (menguruskan hartabenda itu dengan tiada persetujuan) mereka, sebagaimana kamu tidak berani (berbuat demikian dengan orang-orang yang berkongsi dengan kamu – yang setaraf dengan) diri kamu? Demikianlah Kami menjelaskan keterangan-keterangan satu persatu bagi orang-orang yang menggunakan akal untuk memahaminya. (*)

Nota kaki:

(*) ayat ini ditujukan kepada kaum kafir musyrik; ya'ni kalau mereka tidak pernah membenarkan hamba-hamba mereka mempunyai hak yang sama dengan mereka, maka bagaimana mereka tergamak mempersekutukan Allah Ta'ala dengan makhluk-makhluk yang mereka sembah dan yang mereka harapkan pertolongannya untuk mendapat pengampunan dan belas kasihan, sedang sekalian makhluk adalah kepunyaan Allah Ta'ala yang diciptakanNya dan dikuasaiNya dengan sepenuh-penuh kuasa sehingga tidak ada sesiapa pun yang dapat membuat sebarang permohonan untuk menolong melainkan dengan izinNya.

Analisis:

Ungkapan “ضَرَبَ لَكُمْ مَثَلًا مِّنْ أَنفُسِكُمْ”;
kalimah “*mathala*” di dalam potongan ayat
berikut melambangkan *amthāl muṣarraḥah* (Al-Jarbu, 2002).

Berdasarkan ayat berikut, al-Razi menerangkan lafaz مِّنْ أَنفُسِكُمْ bermaksud diberi perumpamaan bagimu tentang dirimu sendiri disebabkan kehinaan, kekurangan dan kelemahan. Dikiaskan keagungan, kesempurnaan dan kekuasaan Allah keatas kamu. Seterusnya, lafaz مِّنْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ bermaksud kamu memiliki kekuasaan ke atas hamba kamu. Ia boleh dipindah milik dan dilenyap. Adapun pindah milik adalah melalui penjualan dan perkara-perkara lain, dan melenyap ialah dengan pembebasan. Manakala, hamba Allah SWT tetap kepunyaan-Nya. Maka tidak boleh, hamba milik kamu berpaling tadah daripada tuanmu. Pada masa yang sama, mereka boleh menjadi seperti kamu dalam banyak keadaan, bahkan mereka seperti kamu (adamiyah). Kamu tidak mempunyai kekuasaan terhadap roh mereka iaitu dengan membunuhnya dan tidak boleh menghalang mereka melakukan ibadah serta menunaikan keperluan mereka. Bagaimanakah seorang hamba boleh menyekutukan Allah SWT? (Al-Razi, 1981).

Lafaz مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ bermaksud apa yang untuk kamu pada hakikatnya bukan kepunyaan kamu (hamba yang berkhidmat selain daripada tuannya). Bahkan, dia (hamba) dan rezekinya daripada Allah SWT. Bagi kalimah فَأَنْتُمْ فِيهِ سَوَاءٌ bermaksud iaitu adakah kamu dan hamba-hamba kamu sama dalam apa yang kamu miliki? sesekali tidak. Maka, tidak boleh menyekutukan Allah dalam sesuatu apa pun yang dimiliki (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Pengkaji merumuskan bahawasanya terjemaha Tafsir Pimpinan ar-Rahman pada ayat ini mempamerkan **ketepatan** dengan Tafsir *Mafātiḥ al-Ghayb*. Ringkasnya,

kedua-dua kitab tafsir menjelaskan tentang perbandingan (dirinya) kaum musyrik yang tidak sanggup berkongsi hambanya dengan yang lain, diperlakukan dengan setara terhadap tuan dan hamba. Begitu juga dengan Allah SWT yang tidak boleh sama sekali disekutukan atau disamakan dengan makhluk kerana Allah SWT mempunyai segala kuasa, bahkan makhluk lemah, hina dan sebagainya.

3.2.29 Al-Zumar: 29

Teks sumber:

﴿ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلًا فِيهِ شُرَكَاءُ مُتَشَاكِسُونَ وَرَجُلًا سَلَمًا لِرَجُلٍ هَلْ يَسْتَوِيَانِ مَثَلًا
 الْحَمْدُ لِلَّهِ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يَعْلَمُونَ﴾ (٢٩) ﴿ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عِنْدَ رَبِّكُمْ تَخْتَصِمُونَ ٣١
 ﴿فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ كَذَبَ عَلَى اللَّهِ وَكَذَّبَ بِالصِّدْقِ إِذْ جَاءَهُ أَلَيْسَ فِي جَهَنَّمَ مَثْوًى
 لِلْكَافِرِينَ ٣٢﴾

Teks terjemahan:

Allah memberikan satu misal perbandingan: Seorang hamba lelaki yang dimiliki oleh beberapa orang yang berkongsi yang bertentangan tabi'at dan kemahuaannya; dan seorang hamba lelaki yang lain hanya dimiliki oleh seorang sahaja; adakah kedua-dua hamba itu sama keadaannya (*)? (Tentulah tidak sama). Ucaplah: "Alhamdulillah", (sebagai bersyukur terhadap penjelasan soal tauhid itu) bahkan kebanyakan mereka (yang musyrik) tidak mengetahui (hakikat tauhid). (29) Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) akan mati, dan sesungguhnya mereka juga akan mati.(30) Kemudian, sesungguhnya kamu semua, pada hari kiamat, akan bertengkar berhujjah di hadapan Tuhan kamu (31) (Apabila berlaku yang demikian), maka nyatalah bahawa tidak ada yang lebih zalim daripada orang yang mereka-reka perkara-perkara yang dusta terhadap Allah, dan mendustakan kebenaran sebaik-baik sahaja kebenaran itu disampaikan kepadanya. Bukankah (telah diketahui bahawa) dalam neraka Jahanam disediakan tempat tinggal bagi orang-orang kafir? (32)

Nota kaki:

(*) Misal perbandingan ini menggambarkan keadaan orang-orang musyrik yang menyembah banyak tuhan, dan orang-orang mu'min yang menyembah Allah Yang Maha Esa. Orang-orang musyrik akan tetap berada dalam keadaan resah gelisah dan serba salah, kerana tidak tahu kepada tuhan yang mana satu di antara tuhan-tuhannya

yang banyak itu hendak ditujukan pujaan mereka dan hendak meminta pertolongannya. Mereka juga tidak mengetahui apa perkara-perkara yang disukainya dan yang tidak disukainya. Sebaliknya orang-orang mu'min yang mengesakan Allah Ta'ala akan tetap berada dalam keadaan tenang tenteram, kerana mereka sedia mengetahui apa yang diredhai Allah lalu mereka mengerjakannya, dan apa yang dibenci serta dimurkaiNya lalu mereka menjauhkannya.

Analisis:

Merujuk kepada ayat di atas, “ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا رَجُلًا” menunjukkan *amthāl muṣarraḥah* kerana terdiri daripada kalimah “مثل” (Al-Qattan, 1976).

Merujuk kepada ayat di atas al-Razi memberikan perumpamaan tentang hamba lelaki yang telah dimiliki oleh beberapa orang yang berkongsi dalam persehisan. Setiap daripada mereka mengatakan hamba itu miliknya, maka mereka saling merebutnya untuk memenuhi keperluan-keperluan mereka, maka hamba tersebut dalam kebingungan terhadap perintah itu. Apabila seorang redha, maka selainnya akan marah. Maka dia tetap dalam kebingungan dan tidak mengetahui siapa yang lebih utama. Hamba ini selalu merasa tersiksa dan keletihan yang berpanjangan (Al-Razi, 1981).

Manakala, hamba yang menjadi khadam kepada seorang sahaja, dia akan berkhidmat kepada tuannya dengan ikhlas. Ini kerana, tuannya menolong dalam memenuhi keperluan hambanya. Maka hamba manakah yang lebih baik keadaannya dan lebih bersyukur? Perumpamaan ini menerangkan keadaan orang yang menyembah Tuhan yang pelbagai. Maka tuhan-tuhan itu akan bertelingkah antara satu sama lain (Al-Razi, 1981).

Tambahan lagi, golongan musyrik akan berada dalam kehairanan yang menyesatkan dan tidak mengetahui tuhan manakah yang perlu diikuti. Adapun orang yang tetap dengan tuhan yang satu. Dia akan melaksanakan apa yang

dipertanggungjawabkan keatasnya dan mengetahui apa yang diredhai serta yang dimurkai-Nya (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Berdasarkan terjemahan ayat berikut, pengkaji berpendapat tafsir Sheikh Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan kitab tafsir *Mafātih al-Ghayb*. Kedua-dua tokoh tersebut menyatakan tentang tauhid dan keesaan Allah SWT dengan perumpamaan hamba. Terdapat perbezaan antara hamba dalam situasi mereka iaitu hamba pertama yang dimiliki oleh ramai tuan dan diberikan pelbagai arahan yang menjadi hamba tersebut berada dalam kebingungan. Manakala, hamba seorang lagi dimiliki oleh seorang tuan sahaja yang menyantuninya dengan baik. Disini jelaslah, kedua-dua tokoh tersebut menerangkan perumpamaan bagi keadaan seseorang yang menyekutukan Allah SWT.

Injil), mereka diumpamakan seperti tunas tumbuhan. Hal ini kerana, ia lemah pada pertama kali mereka dikeluarkan lalu tumbuh dengan sempurna. Begitu juga orang mukmin dan tunas tumbuhan yang bercambah dan menjadi kuat (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Ringkas, pengkaji berpandangan bahawa terjemahan Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsir al-Razi. Hal ini kerana, golongan mukmin yang diumpamakan seperti tunas yang tumbuh dengan sumbur dan kekuat. Begitulah sifat bagi golongan mukmin.

3.2.31 Al-Ḥadīd : 20

Teks sumber:

﴿أَعْلَمُوا أَنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهُمْ زِينَةٌ وَتَفَاخُرٌ بَيْنَكُمْ وَتَكَاثُرٌ فِي الْأَمْوَالِ وَالْأَوْلَادِ
كَمَثَلٍ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيجُ فَتَرَاهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَمًا وَفِي الْآخِرَةِ
عَذَابٌ شَدِيدٌ وَمَغْفِرَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعٌ الْعُرُورِ ۚ ۲۰﴾

Teks terjemahan:

Ketahuiilah (*) bahawa (yang dikatakan) kehidupan dunia itu tidak lain hanyalah (bawaan hidup yang berupa semata-mata permainan dan hiburan (yang melalaikan) serta perhiasan (yang mengurangkan), juga (bawaan hidup yang bertujuan) bermegah-megah di antara kamu (dengan kelebihan, kekuatan, dan bangsa keturunan) serta berlumba-lumba membanyakkan hartabenda dan anak pinak; (semuanya itu terhad waktunya) samalah seperti hujan yang (menumbuhkan tanaman yang menghijau subur) menjadikan penanamannya suka dan tertarik hati kepada kesuburannya, kemudian tanaman itu bergerak segar (kesuatu masa yang tertentu), selepas itu engkau melihatnya berupa kuning; akhirnya ia menjadi hancur bersepai; dan (hendaklah diketahui lagi, bahawa) di akhirat ada azab yang berat (di sediakan bagi golongan yang hanya mengutamakan kehidupan dunia itu), dan (ada pula) keampunan besar serta keredhaan dari Allah (disediakan bagi orang-orang yang mengutamakan akhirat). Dan (ingatlah,

bahawa) kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya. (*) (20)

Nota kaki:

(*) Sesungguhnya ayat ini berhubung dengan orang-orang kafir yang bersikap demikian, tetapi ia juga menjadi amaran bagi orang-orang yang beriman supaya menjauhkan diri dari perbuatan-perbuatan yang buruk itu.

Analisis:

Pada ungkapan “كَمَثَلِ غَيْثٍ أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ ثُمَّ يَهِيَجُ فَنَزَلَهُ مُصْفَرًّا ثُمَّ يَكُونُ حُطَمًا” terdapat kalimah “*mathala*” yang memberi erti perumpamaan (Al-Jarbu, 2002).

Al-Razi menjelaskan bahawa Allah SWT menyebut satu perumpamaan untuk kehidupan. Firman Allah: *واضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا* Firman Allah: *كَمَثَلِ غَيْثٍ* iaitu hujan, selari dengan firmanNya: *أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ* (18:45). Manakala, firman Allah SWT “*أَعْجَبَ الْكُفَّارَ نَبَاتُهُ*” padanya terdapat dua pandangan. Pandangan pertama, bermaksud petani yang kufur. Azhari berkata orang Arab menyatakan petani sebagai *كافر* kerana menutup biji benih yang ditabur dengan tanah. Jika petani itu merasa kagum akan tumbuhannya dan mereka mengetahuinya maka ia adalah tujuan yang baik. Pandangan kedua, maksud kuffar dalam ayat ini ialah mengingkari Allah SWT dan kagum dengan perhiasan dunia serta faedah padanya daripada orang mukmin. Hal ini kerana, mereka tidak melihat kebahagiaan melainkan kebahagiaan dunia. Sebagaimana firman Allah SWT yang merujuk kepada kosa kata *نَبَاتُهُ* iaitu apa yang tumbuh disebabkan hujan (Al-Razi, 1981).

Kemudian, Allah SWT menyebutkan keadaan selepas hari akhirat “*وَفِي الْأَخِرَةِ*” iaitu bagi mereka yang hidup dengan sifat tersebut, “*وَمَغْفِرَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانٌ*” (Keampunan daripada Allah) untuk para auliya’ dan ahli taat. Ketika Allah SWT mensifatkan dunia dengan kehinaan dan kebinasaan, Allah juga menerangkan bahawa

akhirat sama ada azab yang kuat atau keredhaan yang merupakan ganjaran yang paling besar. Firman Allah SWT: وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ ialah bagi mereka yang mendekatinya dan menolaknya daripada mencari akhirat (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Ringkasnya, pengkaji berpendapat bahawa terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Hal ini kerana, kedua-dua tokoh menerangkan perbandingan golongan yang mencintai perihal kehidupan seperti hujan yang menimpa tuaian petani yang ingkar pada perintah pada Allah SWT dan berharap tuaiannya membuah hasil yang baik. Namun, disebaliknya telah tersedia azab yang pedih untuk mereka. Dalam pada itu, mereka yang mendahulukan hal akhirat akan terdorong dalam keampunan serta redha Allah SWT.

3.2.32 Al-Jumu'ah: 5

Teks sumber:

﴿مَثَلُ الَّذِينَ حُمِّلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْحِمَارِ يَحْمِلُ أَسْفَارًا بِئْسَ مَثَلُ الْقَوْمِ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿٥﴾﴾

Teks terjemahan:

(Sifat-sifat Nabi Muhammad itu telahpun diterangkan dalam Kitab Taurat tetapi orang-orang YaHūdi tidak juga mempercayainya, maka) bandingan orang-orang (YaHūdi) yang ditanggungkan dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) Kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungan dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela Kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya) (*).

Nota kaki:

(*) Kaum YaHūdi disifatkan oleh Allah Ta'ala dengan sifat yang demikian buruknya, kerana mereka tetap berdegil mengingkari kerasulan Nabi Muhammad (s.a.w), padahal dalam Kitab Taurat ada disebutkan sifat-sifat Baginda yang membuktikan kebenarannya. Maka bagaimana pula bandingan orang-orang Islam yang tidak mengamalkan ajaran-ajaran Islam.

Analisis:

Menerusi ayat di atas, ungkapan “مَثَلُ الَّذِينَ حُمِلُوا التَّوْرَةَ ثُمَّ لَمْ يَحْمِلُوهَا كَمَثَلِ الْجَمَارِ يَحْمِلُونَ” melambangkan bentuk *amthal mussarahah* kerana terdapat “mathala” dan “kaf” yang menunjukkan perbandingan (Al-Qattan, 1976).

Merujuk ayat di atas, al-Razi memberikan pendapat bahawa mereka tidak mengetahui kandungan Taurat diumpamakan seperti keldai. Hal ini kerana, sekiranya mereka bertindak menurutnya, mereka akan mendapat manfaat daripadanya. Mereka tidak menyebutnya kerana di dalamnya dibincangkan sifat Rasul SAW berkaitan khabar gembira kedatangannya serta kemasukan ke dalam agamanya. Firman Allah SWT “حُمِلُوا التَّوْرَةَ” iaitu mereka memikul amalan yang terdapat di dalamnya, dan mereka ditugaskan untuk melakukannya. Dibaca حُمِلُوا dengan ringan dan berat, manakala «النَّظْمُ» berkata ia bukan dari beban di belakang. Sebaliknya, ia adalah tanggungan dan tanggungjawab. Disebutkan juga daripadanya ia dikatakan penanggung (Al-Razi, 1981).

Disamping itu, ia bermaksud mereka mencantumkan hukum-hukum Taurat, tetapi mereka tidak pula bertindak menurutnya. Adapun أَسْفَارٌ bermaksud kitab besar kerana ia mengungkapkan maksud apabila dibaca. Hal ini disamakan dengan yaHūdi yang tidak mengambil manfaat daripada kandungan Taurat. Kepercayaan mereka terhadap Nabi Muhammad SAW diumpamakan dengan keldai yang membawa buku-buku ilmiah tetapi tidak mengetahui apa yang terkandung di dalamnya. Ahli ma'ani berkata

perumpamaan ini diumpamakan bagi siapa yang memahami al-Qur'ān tetapi tidak beramal dengannya (Al-Razi, 1981).

Seterusnya, firman Allah SWT: لَمْ يَحْمِلُوهَا iaitu tidak melaksanakan haknya dan tidak memikul penerangannya dengan sebenar-benarnya. Maka disamakan mereka, Taurat yang ada di tangan mereka dan mereka tidak mengetahui keterangannya dengan keldai yang membawa buku-buku. Ini kerana keldai tersebut tidak mendapat sebarang manfaat melainkan hanyalah berasa berat. Demikian juga orang-orang YaHūdi tidak mempunyai apa-apa daripada kitab mereka melainkan bukti yang menentang mereka (Al-Razi, 1981).

Penelitian pengkaji:

Kesimpulan, pengkaji berpendapat terjemahan Abdullah Basmeih **bertepatan** dengan tafsiran al-Razi. Hal ini dibuktikan bahawa beliau menerangkan perumpamaan orang kafir yang tidak mempercayai kerasulan Nabi, namun telah dinyatakan dalam taurat ibarat seperti keldai membawa kitab-kitab tanpa mengetahui kandungan, akan tetapi hanya menanggung bebannya sahaja. Begitu juga, al-Razi menerangkan keadaan golongan Yahūdi yang tidak mengambil faedah daripada kandungan taurat diumpamakan seperti keldai membawa beban.

3.2.33 Al-Munaafiqun: 4

Teks sumber:

﴿وَإِذَا رَأَيْتَهُمْ تُعْجِبُكَ أَجْسَامُهُمْ وَإِنْ يَقُولُوا تَسْمَعُ لِقَوْلِهِمْ كَأَنَّهم خُشْبٌ مُّسْنَدَةٌ ۗ﴾

يَحْسُبُونَ كُلَّ صَيْحَةٍ عَلَيْهِمْ هُمُ الْعَدُوُّ فَاحْذَرْهُمْ قَتَلَهُمُ اللَّهُ أَنَّى يُؤْفَكُونَ ۙ﴾

Teks terjemahan:

Dan apabila engkau melihat mereka, engkau tertarik hati kepada tubuh badan mereka (dan tingkah lakunya); dan apabila mereka berkata-kata, engkau juga (tertarik hati) mendengar tutur katanya (kerana manis dan pitah. Dalam pada itu) mereka adalah seperti batang-batang kayu yang tersandar (tidak terpakai kerana tidak ada padanya kekuatan yang dikehendaki). Mereka (kerana merasai bersalah, sentiasa dalam keadaan cemas sehingga) menyangka tiap-tiap jeritan (atau riuh rendah yang mereka dengar) adalah untuk membahayakan mereka. Mereka itulah musuh yang sebenar-benarnya maka berjaga-jagalah engkau terhadap mereka. Semoga Allah membinasa dan menyingkirkan mereka dari rahmatNya. (Pelik sungguh!) Bagaimana mereka dipalingkan (oleh hawa nafsunya – dari kebenaran)? (4)

Analisis:

Berdasarkan ayat di atas menunjukkan “كَأَنَّهم خُشْبٌ مُّسْنَدَةٌ” merupakan bentuk *amthal mussarahah* yang menampilkan huruf “kaf” bermaksud umpama (Al-Jarbu, 2002).

Di dalam kitab *Mafātih al-Ghayb*, al-Razi menjelaskan Allah SWT menyamakan golongan munafik dengan kayu tersandar. Ibnu Abbas berkata kayu tersebut tidak berakal dan tidak dapat memahami. Demikian juga orang-orang munafik, seolah-olah mereka tidak mengerti dan pemahaman mereka setara dengan kedudukan kayu (Al-Razi, 1981).


Penelitian pengkaji:

Pengkaji berpendapat bahawa terjemahan Sheikh Abdullah Basmeih **tidak sama** dengan tafsiran al-Razi. Hal ini kerana, terjemahan Tafsir Pimpinan ar-Rahman menerangkan kayu tersandar itu ibarat sesuatu yang tiada faedah padanya. Pengkaji mendapati, Basmeih menjelaskan dari sudut fungsi. Manakala, al-Razi menjelaskan bahawa kayu tersandar itu umpama golongan yang tidak memahami agama iaitu dari

sudut kejahilan. Hakikatnya kedua-dua tokoh tersebut menerangkan keadaan golongan munafik.

3.3 Kesimpulan Bab

Dalam bab ini, pengkaji telah menganalisis persamaan terhadap konteks terjemahan ayat *amthāl muṣarraḥah* dengan teliti dan terperinci. Berdasarkan penganalisan yang dilakukan terhadap 33 ayat *amthāl muṣarraḥah* mendapati tiga kesimpulan menerusi proses tersebut iaitu **terjemahan tepat**, **hampir tepat** dan **tidak sama**. Berikut adalah rajah bagi kesimpulan bab 3.



Rajah 3:2: Analisis Terjemahan Amthal Mussarahah